



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Buletin SIHAT MADANI

SIRI 1/2026 (JAN-APRIL)



SIDANG REDAKSI

Buletin Sihat MADANI

Ketua Pengarang

Yamuna Perimalu

Pengarang

Radziah binti Mohd Sharif

Timbalan Pengarang

Nur Anessa Najwa binti Azman

Infografik

Nurizyan binti Adnan

Sidang redaksi Buletin Sihat MADANI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan Buletin Sihat MADANI.

Bagi sebarang maklumat dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi Buletin Sihat MADANI
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7, Kompleks E
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 03-8883 3679



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>

ISI KANDUNGAN

Buletin Sihat MADANI

AKTIVITI KKM SEPANJANG BULAN
JANUARI 2026

4

16

AKTIVITI KKM SEPANJANG BULAN
FEBRUARI 2026

AKTIVITI KKM SEPANJANG BULAN
MAC 2026

31

44

AKTIVITI KKM SEPANJANG BULAN
APRIL 2026

24 Januari 2026 - YAB Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah merasmikan bangunan baharu Hospital Seberang Jaya (HSJ) hari ini.

Perasmian ini merupakan pencapaian penting Kerajaan MADANI dalam usaha memperkukuh sistem penjagaan kesihatan awam negara, khususnya bagi penduduk Seberang Perai dan Pulau Pinang.

Pembinaan Bangunan *Multistorey* Hospital Seberang Jaya ini merupakan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), *Rolling Plan* 2, dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM371 juta. Projek ini melibatkan keluasan tanah 3.26 ekar keluasan binaan 45,415 meter persegi serta merangkumi bangunan setinggi 9 tingkat.

Pembinaan projek yang bermula pada 16 Mei 2016 telah siap sepenuhnya pada 12 April 2025 dan mula beroperasi secara berperingkat pada 5 Mei 2025 yang lalu.

Kapasiti keseluruhan katil hospital ini telah meningkat daripada 413 buah katil kepada 729 buah katil dan ia memperkukuh keupayaan hospital dalam memenuhi keperluan rawatan yang semakin meningkat.

Hospital Seberang Jaya juga berperanan sebagai pusat rawatan, latihan dan rujukan termasuk latihan kepada pegawai perubatan siswazah, pelajar perubatan, pergigian, paramedik serta latihan subkepakaran.

Turut hadir, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan, YB Tuan Steven Sim, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKM dan YBhg. Dato' Dr. Fazilah binti Shaikh Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.



MAJLIS PERJUMPAAN DAN AMANAT TAHUN BAHARU 2026 MENTERI KESIHATAN BERSAMA WARGA KKM



6 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia bersama pengurusan tertinggi dan seluruh warga KKM berhimpun di Dewan Serbaguna KKM, Putrajaya bagi Majlis Perjumpaan dan Amanat Tahun Baharu 2026.

Dalam ucapannya, YB Menteri telah merakamkan penghargaan kepada YB Dato' Lukanisman bin Awang Sauni, mantan Timbalan Menteri Kesihatan atas jasa beliau menyantuni isu-isu kesihatan di Sabah, Sarawak dan kawasan pedalaman semasa bertugas di KKM serta mengalu-alukan kehadiran YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib ke dalam keluarga besar KKM selaku Timbalan Menteri Kesihatan yang baharu.



**MAJLIS AMANAT MENTERI KESIHATAN DAN FORUM
BERSAMA AHLI PARLIMEN *FRIENDS OF MINISTRY (FOM)***



8 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah hadir menyantuni warga kerja KKM di Majlis Amanat Menteri Kesihatan dan Forum Bersama Ahli Parlimen *Friends of Ministry (FOM)*.

Pertemuan strategik ini memberi tumpuan khusus kepada dua agenda besar tahun 2026 iaitu persediaan rapi Rang Undang-Undang (RUU) dan pemantapan kualiti jawapan Parlimen. Tahun ini, KKM menyasarkan 10 cadangan Akta atau pindaan untuk dibentangkan berlandaskan *Good Regulatory Practice (GRP)*.

KKM telah menerima lebih 500 soalan Parlimen setiap tahun iaitu antara tertinggi di peringkat Persekutuan. Ini merupakan isyarat jelas mengenai harapan tinggi rakyat terhadap perkhidmatan kesihatan negara.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.



SESI PERMUKIMAN PENGURUSAN TERTINGGI KKM BERSAMA YB MENTERI KESIHATAN

12 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan hadir ke Sesi Permukiman Pengurusan Tertinggi KKM yang berlangsung pada 12 dan 13 Januari 2026 bertempat di Courtyard by Marriott, KL South. Sesi strategik ini bertujuan untuk menyelaras visi dan gerak kerja kementerian bagi mendepani cabaran kesihatan masa kini dan akan datang.

Fokus utama permukiman kali ini berpaksikan kepada Empat (4) Lonjakan Utama yang akan menjadi pemacu perubahan sistem kesihatan:

1. Pendigitalan Menyeluruh Rantaian Perkhidmatan Kesihatan (*The Efficiency Engine*) – Memperkasa teknologi digital untuk kecekapan penyampaian perkhidmatan dari hujung ke hujung.
2. Reformasi Pembiayaan (*The Sustainability Engine*) – Memastikan kelestarian kewangan sektor kesihatan demi manfaat rakyat jangka panjang.
3. Modal Insan & Kebajikan (*The Justice Engine*) – Mengutamakan keadilan dan kesejahteraan buat barisan wira KKM di semua peringkat.
4. Kesihatan Awam & Etika (*The Moral Engine*) – Memperkukuh nilai etika dan integriti dalam menjaga kesejahteraan komuniti.



15 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan memulakan lawatan kerja dengan menghadiri Majlis Perasmian *Cloud-Based Clinic Management System (CCMS)* dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di Dewan Datuk Patinggi Ali, Gedong, Simunjan, Sarawak, yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Haji Abang Johari Tun Openg, Premier Sarawak.

Pelaksanaan sistem digital CCMS adalah hasil langsung pendekatan "*Whole-of-Government*." Sistem CCMS di Sarawak kini melibatkan 153 fasiliti kesihatan, menjadikannya sebagai peneraju dalam pendigitalan fasiliti kesihatan primer di Malaysia. KKM menyasarkan perluasan penggunaan CCMS ke sebanyak 2,489 fasiliti kesihatan primer di seluruh Malaysia dan Sarawak adalah peneraju utama dalam sasaran nasional ini. Sistem ini telah merevolusikan pengurusan rekod pesakit, mempermudah aliran kerja klinik dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kesihatan secara keseluruhan serta telah mengurangkan masa tugas manual kakitangan sebanyak 30 peratus.

Lawatan diteruskan ke bangunan baharu Klinik Kesihatan Gedong, Samarahan. Bangunan klinik kayu ini telah beroperasi sejak 1981 dan memberi manfaat kepada 15 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 14,424 orang. Pada tahun 2018, kerajaan Negeri Sarawak melalui YB Datuk Naroden Mejais (ADUN Gedong) telah menyumbang serta membina sebuah bangunan tambahan bernilai RM500,000 bagi menempatkan Unit Pesakit Luar di dalam kawasan klinik yang sedia ada. Pada 11 Disember 2023, bangunan *Maternal and Child Health (MCH)* lama telah berpindah ke bangunan Baharu. Ia dibina melalui projek Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kesihatan turut hadir merasmikan Klinik Kesihatan Siburan dan Klinik Kesihatan Serian. Klinik Kesihatan Siburan dibina bagi menampung populasi Daerah Siburan yang pesat membangun melebihi 46,000 penduduk. Klinik ini turut menyediakan perkhidmatan nilai tambah seperti Pusat Sehenti Rawatan Ketagihan (OSCA) dan Penjagaan Paliatif serta Domisiliari. Ini membuktikan klinik kesihatan primer sudah berevolusi serta mampu menawarkan rawatan holistik kepada komuniti.

YB Menteri turut merasmikan bangunan baharu Klinik Kesihatan Serian yang direka untuk berfungsi sebagai *One Stop Centre* yang mampu menampung sehingga 500 pesakit sehari dan seterusnya dapat mengurangkan kesesakan di hospital utama. Ia kini berfungsi sebagai hab utama yang menggabungkan perkhidmatan di bawah satu bumbung yang kondusif, lengkap dengan fasiliti X-Ray, Makmal Perubatan dan Rehabilitasi. Klinik Jenis 3 ini menjadi tumpuan bagi sejumlah 24,403 orang penduduk yang merangkumi 44 lokaliti di Serian.



JAWATANKUASA BERSAMA PERINGKAT MENTERI UNTUK KOS PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA



22 Januari 2026 - YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II dan YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan mempengerusikan bersama Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta (JBMKKS), di Sasana Kijang.

JBMKKS bersetuju dengan empat inisiatif utama di bawah strategi RESET bagi menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan swasta dan inflasi tuntutan perubatan seperti berikut:

1. **Penerbitan Pelan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT) Asas**
Pengenalan pelan MHIT asas yang standard, mudah difahami dan mampu milik bagi menyediakan liputan perlindungan yang wajar kepada individu yang mendapatkan rawatan di sektor swasta.
2. **Penyediaan Bantuan dan Alat Sokongan Untuk Pengguna**
Penyediaan Panduan Mudah MHIT serta kalkulator perancangan Insurans/Takaful bagi Kemasukan ke Hospital dan Pembedahan (HSIT) bagi membantu pengguna merancang keperluan kewangan penjagaan kesihatan secara lebih berinformasi.
3. **Peningkatan Ketelusan Kos Rawatan Perubatan**
Penerbitan julat kos penanda aras bagi prosedur perubatan lazim di hospital swasta sebagai rujukan jelas kepada pengguna.
4. **Insentif Cukai bagi Dana Kebajikan Hospital Swasta**
Pemberian insentif cukai kepada hospital swasta untuk menubuhkan Dana Kebajikan bagi membantu pesakit yang kurang berkemampuan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti, telus dan mampu milik serta melengkapkan peranan sistem penjagaan kesihatan awam dan swasta demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Turut hadir YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour, Gabenor Bank Negara Malaysia, YBhg. Datuk Jessica Chew, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, En Aznan bin Abdul Aziz, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Mahathar Abd. Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, TKSU(K) KKM, YBrs. Dr Himan Ismail, Pengarah Amalan Perubatan dan YBrs. Dr Yap Wei Aun, Ketua Pegawai Eksekutif, Health Transformation Office (HTO).

LAWATAN YB MENTERI KESIHATAN KE PULAU PINANG

Lawatan Kerja ke Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian UTC Seberang Perai

24 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian UTC Seberang Perai di bawah seliaan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara.

Dengan sokongan 30 orang petugas kesihatan, Klinik Kesihatan UTC Seberang Perai yang mula beroperasi pada 1 November 2025 ini mencerminkan komitmen KKM dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang cekap, mudah diakses dan berkualiti untuk semua lapisan masyarakat. Perkhidmatan yang ditawarkan meliputi rawatan pesakit luar dan kecemasan, klinik penyakit tidak berjangkit (NCD), saringan kesihatan dan pra-perkahwinan, perkhidmatan makmal, farmasi serta rawatan dan kecemasan pergigian.



Lawatan Kerja Menteri Kesihatan Ke Hospital Bukit Mertajam

24 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Hospital bersejarah ini telah dibina pada tahun 1890 yang menjadikan bangunan ini berusia lebih satu abad dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan seperti wad perubatan, bilik prosedur, makmal, X-ray, unit hemodialisis dan CT-scan.

Sepanjang lawatan kerja ini, YB Menteri Kesihatan berkesempatan menyantuni pesakit di wad perubatan dan para petugas kesihatan.

Turut hadir YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, YB Goo Zi Sen, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Dato' Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan YBrs. Dr. Prashant Subramanian, Pengarah Hospital Bukit Mertajam.



SIMPOSIUM ASATIZAH HOSPITAL 2026



26 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup dan Penyerahan Resolusi Simposium Asatizah Hospital di Bangi, Selangor.

Simposium Asatizah Hospital 2026 yang julung kali dianjurkan di peringkat nasional menghimpunkan asatizah hospital, petugas kesihatan, penyelidik serta pakar rujuk dari pelbagai institusi kesihatan awam dan swasta, sekali gus menandakan satu langkah penting dalam memperkukuh peranan sokongan kerohanian dalam sistem penjagaan kesihatan negara.

Simposium bertemakan "Mengoptimum Potensi, Mempertingkatkan Kualiti" ini merupakan platform pembentangan dan penyerahan Resolusi Simposium Asatizah Hospital, yang mencerminkan suara kolektif para pengamal lapangan dalam usaha memperkasa pengiktirafan, skop kerja dan hala tuju kerjaya asatizah hospital di Malaysia.

Peranan asatizah hospital bukan sekadar sebagai pembimbing ibadah, malah sebagai rakan strategik yang menyumbang kepada kesejahteraan pesakit, keluarga serta warga kerja kesihatan. Simposium ini turut menyaksikan pelancaran buku 'Kompilasi Tanyalah Asatizah An-Nur' yang menghimpunkan panduan dan rujukan berkaitan isu ibadah, etika dan kerohanian dalam konteks hospital.



Turut hadir, YBhg. Tuan Haji Mohd Husni bin Abd Shukor, Ketua Pegawai Eksekutif, Annur Integrated Healthcare Group dan YBhg. Prof. Dr. Abdul Rashid bin Abdul Rahman, Ahli Majlis Penasihat Syariah dan Pakar Perubatan Dalaman, Hospital Pakar An-Nur.



MAJLIS PELANCARAN UNIT BERGERAK SARINGAN KESIHATAN JANTUNG



29 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan merasmikan Majlis Pelancaran Unit Bergerak Saringan Kesehatan Jantung di Kompleks RHB, Bangi, Selangor.

Inisiatif kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) dan RHB *Banking Group* ini bertujuan membawa perkhidmatan saringan jantung terus ke komuniti, khususnya di kawasan luar bandar dan kurang mendapat akses kesihatan.

Unit saringan mudah alih berteknologi tinggi ini dilengkapi kemudahan ECG dan ECHO bagi membolehkan pengesanan awal penyakit jantung serta rujukan segera untuk rawatan lanjut. Program ini menyasarkan sekurang-kurangnya 12 lokasi setahun dan memberi manfaat kepada ribuan rakyat di seluruh negara selain digabungkan dengan elemen pendidikan kesihatan dan literasi kewangan dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan.

Penyakit jantung kekal sebagai punca utama kematian di Malaysia, sekali gus menuntut pendekatan proaktif dengan membawa perkhidmatan kesihatan lebih dekat kepada rakyat. Pelaburan terbaik negara bermula dengan jantung rakyat yang sihat. Majlis turut diserikan dengan pelepasan rasmi unit bergerak ke lokasi pertama di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Mohd Rashid Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHB, YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Pengerusi IJN Holdings dan YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md Taib, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara.

SESI TAKLIMAT INISIATIF RESET



29 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan bersama YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II telah hadir sesi taklimat berhubung inisiatif RESET yang merupakan langkah kolaborasi di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kewangan dan Bank Negara dalam usaha menangani inflasi perubatan dan memperkukuh sistem penjagaan kesihatan negara.

Sesi taklimat ini membabitkan ahli-ahli Parlimen yang juga merupakan ahli Kelab Penyokong Kerajaan MADANI (BBC) bertempat di Bankuet 2, Blok Utama, Parlimen.

Ahli parlimen yang hadir diberikan penerangan berhubung inisiatif Kertas Putih *Malaysia Health Insurance Takaful* (MHIT) asas, kalkulator bantuan bagi membolehkan pengguna membuat perancangan kewangan dan menilai keperluan insurans/takaful mereka, penerbitan kos rawatan perubatan yang merujuk kepada julat kos penanda aras bagi prosedur perubatan lazim di hospital swasta dan juga pemberian insentif cukai bagi dana kebajikan hospital swasta untuk membolehkan pihak hospital membiayai perkhidmatan penjagaan kesihatan amal kepada pesakit yang kurang bermaslah baik.

Turut hadir YBhg. Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, Gabenor Bank Negara, YBrs. Encik Aznan Abdul Aziz, Timbalan Gabenor Bank Negara dan ahli Jawatankuasa Kerja RESET yang terdiri daripada pegawai-pegawai KKM, MOF dan BNM.

MAJLIS PELEPASAN PROGRAM KECERGASAN: SIHAT ITU SAYA



29 Januari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelepasan Program Kecergasan: Sihat Itu Saya yang berlangsung di Ibu Pejabat KKM (IPKKM) YB Menteri Kesihatan telah menyertai sesi pemanasan badan sebelum acara bermula dan berjalan kaki sejauh 3 KM bersama warga kerja KKM.

Program ini bukan sekadar *Fun Walk*, malah dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti Sukan Rakyat yang berlangsung di sekitar Wetland Putrajaya. Pelbagai permainan tradisional telah diadakan bagi semua peserta antaranya Baling Selipar, Teng-teng, Galah Panjang, Chapteh dan Lompat Getah.

Aktiviti fizikal sebegini merupakan manifestasi Malaysia MADANI dalam membentuk penjawat awam yang bukan sahaja berdedikasi, malah mementingkan kesejahteraan mental dan fizikal yang menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien kepada rakyat.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha, KKM, YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Dr. Fauziah Binti Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian).

TYT Profesor Fekadu Beyene Aleka, Duta Besar Republik Ethiopia Ke Malaysia

22 Januari 2026 - Pertemuan ini bertujuan membincangkan potensi kerjasama strategik antara Malaysia dan Ethiopia terutamanya sebagai susulan kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang kesihatan semasa Lawatan Rasmi YAB Perdana Menteri ke Ethiopia pada 19 November 2025. Kedua-dua negara menyatakan komitmen tinggi terhadap pelaksanaan MoU tersebut dan berharap agar inisiatif yang dirancang dapat direalisasikan dalam masa terdekat.



YB Datuk Julita Mojungki, Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah

26 Januari 2026 - Pertemuan YB Menteri Kesihatan bersama YB Datuk Julita Mojungki, yang baru sahaja menggalas tugas sebagai Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah bertujuan bagi membincangkan beberapa isu termasuk penambahbaikan fasiliti kesihatan, rawatan *Stem Sel* dan Talasemia dan kebajikan petugas kesihatan.



Encik Fintan Foy, CEO Irish College of General Practitioners (ICGP)

28 Januari 2026 - Pertemuan ini bertujuan memperkukuhkan kerjasama antara kedua-dua pihak terutamanya mengenai perancangan strategik latihan kepakaran laluan parallel bidang perubatan keluarga iaitu *Malaysia Ireland Training for Family Medicine (MInTFM)* demi kepentingan perkhidmatan di KKM.

Latihan kepakaran dengan kelayakan MICGP (Membership of Irish College of General Practitioners) ini kini mempunyai pelatih di lima skim iaitu *Northern, Central, Southern, Borneo* (Sabah & Sarawak) dan *East Coast* (Pahang, Kelantan dan Terengganu). Fokus turut diberikan dalam perancangan peluasan kapasiti latihan kepakaran di Sarawak dan Sabah.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN HOSPITAL PONTIAN



15 Februari 2026 - YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Pontian di Dataran Jubli Intan, Pontian, Johor.

Majlis ini turut dihadiri YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor; YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan; YB Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Pontian dan YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Dalam ucapturnya, YAB Perdana Menteri menekankan bahawa projek pembangunan blok tambahan ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan dalam merapatkan jurang fasiliti kesihatan antara bandar dan luar bandar.

Beliau turut menyatakan bahawa penambahan kapasiti ini bakal memberikan keselesaan yang lebih baik kepada pesakit dan petugas kesihatan, sekali gus meningkatkan kualiti rawatan secara keseluruhan buat 177,900 penduduk di daerah ini.

Projek bangunan blok tambahan ini akan dilengkapi dengan pelbagai fasiliti moden bagi menyokong kapasiti sedia ada Hospital Pontian yang kini mempunyai 120 katil operasi dan menawarkan 7 bidang kepakaran utama. Projek ini dijangka akan membawa perubahan signifikan kepada landskap perkhidmatan kesihatan di daerah ini menerusi penyediaan fasiliti yang lebih moden, mampan dan berkapasiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat.



YAB Perdana Menteri turut berkesempatan mengadakan kunjungan rasmi serta menyantuni pesakit di Wad Dahlia dan bergambar kenangan bersama para petugas kesihatan yang bertugas. Sesi lawatan diteruskan dengan *walking briefing* berkenaan Projek Bangunan Tambahan Hospital Pontian oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Roslan Bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya.

4 Februari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Penyakit Jarang Jumpa 2026 di Auditorium Perdana, Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur.

Majlis yang menghimpunkan pesakit, penjaga, profesional kesihatan, pembuat dasar, organisasi advokasi pesakit dan rakan industri ini dianjurkan bersempena Hari Penyakit Jarang Jumpa Sedunia yang diiktiraf secara global dan disambut pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia melalui KKM dalam meningkatkan kesedaran serta sokongan kepada komuniti penyakit jarang jumpa.

Sambutan kali ini turut menampilkan inisiatif ikrar cap tangan yang menyasarkan penciptaan rekod baharu *Malaysia Book of Records* bagi kategori *"Most Handprint Pledges Collected in a National Rare Disease Event"*. Setiap cap tangan melambangkan ikrar empati, keprihatinan dan sokongan berterusan kepada komuniti dengan sasaran sekurang-kurangnya 2,000 ikrar dikumpulkan di 8 hospital utama seluruh negara. Majlis ini turut menyaksikan pelancaran rasmi Dasar Kebangsaan Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia sebagai kerangka nasional bagi memperkuh penjagaan yang lebih terselaras dan turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Persatuan Nefrologi Malaysia dan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia untuk subsidi penyakit buah pinggang jarang jumpa.

Turut hadir YBhg. Dato' Dr. Harikrishna A/L K. Ragavan Nair, Pengarah Hospital Kuala Lumpur, Dr. Ngu Lock Hock, Ketua Subkepakaran Genetik Klinikal KKM dan Ketua Jabatan Genetik HKL, Dr Izzuna Mudla binti Mohamed Ghazali, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Dr. Shamsul Anuar bin Kamarudin Pengarah Hospital Tunku Azizah.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI KANSER SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026



4 Februari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah merasmikan Sambutan Hari Kanser Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Majlis diadakan sebagai platform memperkukuh kesedaran serta komitmen nasional dalam usaha memerangi kanser secara menyeluruh. Tema sambutan "*United by Unique*" yang menekankan bahawa setiap pesakit kanser mempunyai pengalaman dan keperluan yang berbeza namun disatukan oleh satu matlamat iaitu memastikan tiada sesiapa yang berjuang sendirian dalam menghadapi penyakit ini.

Antara inisiatif berimpak tinggi yang diumumkan termasuk pelaksanaan Program Wira Kanser yang menyasarkan enam jenis kanser utama, Kempen Mai Kurang Gula, Garam dan Kalori bagi menggalakkan gaya hidup sihat di tempat kerja serta Program Akses Nutrisi Kanser bagi menyokong keperluan pemakanan pesakit sepanjang proses rawatan dan pemulihan.

Selaras dengan pendekatan *Whole-of-Nation*, majlis ini turut menyaksikan pemetaraan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkukuh usaha pencegahan, pengesanan awal serta pengurusan penyakit secara bersepadu, sekali gus menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Sambutan ini mencerminkan iltizam berterusan Kerajaan Malaysia untuk bukan sahaja memperkukuh rawatan, malah memupuk budaya pencegahan bermula daripada gaya hidup seharian selari dengan usaha memastikan Malaysia kekal sebagai hab kecemerlangan rawatan kanser di peringkat serantau dan global.



FORUM EKONOMI MALAYSIA 2026: MEMACU TRANSFORMASI SOSIOEKONOMI DAN REFORMASI KESIHATAN NEGARA

5 Februari 2026 - Forum Ekonomi Malaysia 2026 yang bertemakan "Mempercepatkan Pertumbuhan, Memajukan Malaysia" telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Forum ini menjadi platform utama dalam memacu agenda sosioekonomi negara, selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-13 (2026-2030).

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi negara termasuk Timbalan Perdana Menteri II, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Dr Haji Abang Abdul Rahman Zohari, Menteri Ekonomi, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir dan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar.



Sesi Khas: Pembaharuan Penjagaan Kesihatan

Dalam rangka forum tersebut, YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyertai sesi panel khas bertajuk *"Healthcare Reform: Towards Equitable, Affordable & Quality Healthcare"*. Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib.

Antara intipati penting perbincangan tersebut termasuklah:

- Menangani Inflasi Perubatan: Panel membincangkan cabaran inflasi perubatan Malaysia yang diunjurkan mencapai 15% pada tahun 2025, angka yang lebih tinggi berbanding purata Asia Pasifik (11%) dan global (10%).
- Model Pembiayaan Inovatif: Cadangan penubuhan dana kesihatan negara serta pengembangan reka bentuk produk insurans dan takaful bagi memastikan kos rawatan kekal mampu milik.
- Kelestarian Sistem: Memperkukuh tadbir urus melalui penyelesaian digital, perkongsian awam-swasta (PPP), dan inisiatif Rakan KKM untuk menjadikan penjagaan kesihatan lebih berpusatkan rakyat.



MAJLIS PERASMIAN WELLNESS HUB HULU LANGAT

8 Februari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian *Wellness Hub* Hulu Langat, hari ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang meletakkan kesihatan sebagai asas kemakmuran negara.

Pada tahun ini, sebanyak lima *Wellness Hub* baharu telah mula beroperasi, menjadikan keseluruhan 38 fasiliti di seluruh negara, iaitu di Kuala Selangor, Muar (Johor), Sibuti (Miri), Muallim (Perak) dan Sandakan (Sabah).

Sehingga kini, lebih 2 juta rakyat telah menerima perkhidmatan kesejahteraan kesihatan sejak *Wellness Hub* diperkenalkan kepada masyarakat umum. Daripada lebih 19,000 individu yang menyertai intervensi pengurusan berat badan, 75% individu berjaya menurunkan berat badan dan 76% menunjukkan peningkatan tahap kecergasan fizikal yang membuktikan keberkesanan pendekatan kesejahteraan yang holistik dan berimpak tinggi.



KKM juga dalam fasa membangunkan Pakej Warga Emas di bawah Pelan Strategik KKM 2026–2030 bagi menyokong agenda penuaan sihat di negara ini.

YB Menteri Kesihatan menyarankan agar *Wellness Hub* menjadi contoh terbaik reformasi kesihatan di peringkat akar umbi melalui pencegahan awal dan *Behavioural Insights* demi komuniti yang lebih sihat.



MAJLIS PELUNCURAN KESELAMATAN MAKANAN BAZAR RAMADAN 2026 PERINGKAT KEBANGSAAN



21 Februari 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Peluncuran Keselamatan Makanan Bazar Ramadan Peringkat Kebangsaan Tahun 2026 yang berlangsung di Bazar Ramadan, Kuala Selangor.

Majlis ini menandakan pelancaran rasmi Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2026 serta simbolik Operasi Bazar Ramadan yang dilaksanakan di seluruh negara sebagai komitmen berterusan dalam memastikan makanan yang dijual adalah bersih, selamat dan berkualiti.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) menjalankan pemantauan menyeluruh termasuk pemeriksaan pengendali makanan, pematuhan terhadap Latihan Pengendali Makanan (LPM) serta suntikan anti-tifoid selaras dengan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983.

Orang ramai digalakkan mengamalkan konsep "Perhati dan Pilih" serta langkah mudah "Lihat, Hidu, Rasa" sebelum menikmati juadah berbuka puasa.

Menteri Kesihatan turut mengadakan sesi lawatan ke gerai-gerai bazar serta menyampaikan apron dan Replika Perhati dan Pilih kepada peniaga-peniaga di bazar sebagai tanda komitmen terhadap pelaksanaan keselamatan makanan.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN KE SARAWAK

Majlis Pelancaran Penataan Cahaya Jambatan Darul Hana di Air Pancut dan Kompleks Dewan Undangan Negeri Sarawak bersempena Sambutan Hari Kanser Dunia 2026

1 Februari 2026 - YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Penataan Cahaya Jambatan Darul Hana di Air Pancut dan Kompleks Dewan Undangan Negeri Sarawak bersempena Sambutan Hari Kanser Dunia 2026 baru-baru ini.

Perasmian Hari Kanser Sedunia adalah satu peringatan bahawa kanser adalah tanggungjawab seluruh masyarakat bagi memastikan stigma negatif terhadap pejuang kanser dihapuskan dan menghidupkan semangat untuk mereka berjuang melawan kanser. Slogan Hari Kanser Sedunia tahun ini ialah '*United by Unique*' yang menekankan kepentingan untuk kita bersatu dan memperkasakan sokongan sekali gus menjadi tulang belakang kepada semua yang sedang berjuang dengan apa jua jenis kanser.



Lawatan Kerja dan Sesi Ziarah Kasih YB Timbalan Menteri Kesihatan ke Hospital Mukah

2 Februari 2026 - YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja dan sesi ziarah kasih ke Hospital Mukah, Sarawak. Hospital ini berkapasiti 80 buah katil dan mempunyai perkhidmatan seperti wad perubatan dan bilik pembedahan.

YB Timbalan Menteri turut menyantuni pesakit-pesakit di Wad Materniti, Pediatrik, Perubatan Perempuan dan Lelaki serta Unit Hemodialisis sempena lawatan kerja beliau. Turut hadir YBrs. Dr. Azlee bin Ayub, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), YBrs. Dr. Ardif bin Damiri, Pengarah Hospital Mukah dan YBrs. Kapitan Kang Boon Eong, Ketua Kaum Mukah.



Majlis Perasmian Yayasan AIDS Malaysia

3 Februari 2026 - YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan telah hadir ke Majlis Perasmian Yayasan AIDS Malaysia di Teratak Kasih Tok Nan Cawangan Bintulu, Sarawak.

Majlis dirasmikan oleh YB Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak dan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Usai perasmian, dif-dif kehormat dibawa melawat fasiliti Teratak Kasih Tok Nan.

Pembukaan Teratak Kasih Tok Nan di Bintulu ini adalah cawangan ketiga selepas Miri dan Kuching. Inisiatif ini melengkapkan pelaksanaan pendekatan *Differentiated HIV Services for Key Populations* atau DHSKP di peringkat lapangan, khususnya dalam memastikan kumpulan berisiko dan terpinggir menerima perkhidmatan yang berkualiti, selamat dan berteraskan keperluan sebenar komuniti.



Majlis Pelancaran Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2026 Peringkat Negeri Sarawak



28 Februari 2026 - YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Mukah telah menyempumakan Majlis Pelancaran Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2026 Peringkat Negeri Sarawak dan mengadakan sesi *walkabout* Bazar Ramadan dengan kerjasama Majlis Daerah Mukah (MDS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Medan Ria Setia Raja Mukah.

Setiap tahun, KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) komited melaksanakan pemantauan menyeluruh terhadap premis Bazar Ramadan di seluruh negara. Pemantauan bersepadu ini turut merangkumi pemeriksaan ke atas premis pembekal bahan mentah seperti kilang ais serta premis penyediaan makanan yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengendali makanan juga diperiksa bagi memastikan mereka telah mengikuti Latihan Pengendali Makanan (LPM) dan menerima suntikan anti-tifoid. Langkah-langkah ini diambil bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan berkaitan.

Sehingga kini, sebanyak 28 sesi taklimat kebersihan premis makanan dan pengendalian makanan yang selamat telah diadakan kepada pemilik gerai melibatkan 3,375 gerai di 60 tapak Bazar Ramadan yang telah dikenal pasti di seluruh negeri Sarawak. Di samping itu, pemeriksaan premis makanan yang dijalankan sebelum bulan Ramadan turut meliputi premis yang menyediakan menu bufet berbuka puasa seperti restoran dan hotel. Selain itu, sebanyak 35 pemeriksaan turut dilaksanakan ke atas premis penyediaan makanan termasuk kilang ais, restoran dan hotel.

LAWATAN KERJA RASMI KETUA PENGARAH KESIHATAN KE KEDAH

Majlis Peluncuran Perkhidmatan Kepakaran Hospital Baling, Kedah

4 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM telah menghadiri Majlis Peluncuran Perkhidmatan Kepakaran Hospital Baling, Kedah. Hospital Baling mula beroperasi pada 15 Januari 1996 dengan kapasiti 160 katil beroperasi sebagai hospital daerah tanpa pakar dari tahun 1996 hingga 2022.

Projek pembinaan bangunan tambahan Kompleks Pakar Hospital Baling telah dimulakan pada tahun 2018 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dengan kos sebanyak RM102 juta. Bangunan baharu ini telah diserahkan oleh JKR kepada YB Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad pada 10 Mei 2024 yang lalu dan beroperasi sepenuhnya pada September 2024.

Hospital Baling ini menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada 156,400 penduduk sekitarnya dengan kekuatan anggota seramai 756 orang. Kompleks Perkhidmatan Kepakaran Hospital Baling ini menawarkan perkhidmatan seperti:

- i. Jabatan Perubatan Am
- ii. Jabatan Psikiatri
- iii. Jabatan Pembedahan Am
- iv. Jabatan Ortopedik
- v. Jabatan Pediatrik
- vi. Jabatan Obstetrik dan Ginekologi
- vii. Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi
- viii. Jabatan Kecemasan dan Trauma
- ix. Jabatan Radiologi
- x. Jabatan Patologi dan Transfusi

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan sempat meluangkan masa untuk melawat Klinik Pakar, Makmal, Unit Rawatan Rapi dan Wad di Kompleks Perkhidmatan Kepakaran di samping turut melawat blok lama Hospital Baling bagi meninjau kemudahan perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan kepada pesakit.

Turut hadir YBrs. Dr. Nor Hayati binti Ibrahim, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM, YBrs. Dr. Nor'aishah binti Abu Bakar, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah dan YBrs. Dr. Selvanaayagam Shanmuganathan, Pengarah, Hospital Baling.



Majlis Amanat Ketua Pengarah Kesihatan bersama Warga Kerja Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

4 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyampaikan amanat sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah Kesihatan bersama Warga Kerja Jabatan Kesihatan Negeri Kedah yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Ukir Mall, Alor Setar.

Dalam amanat tersebut, beliau menegaskan bahawa kepimpinan dalam KKM merupakan satu amanah besar yang menuntut tanggungjawab di semua peringkat, bukan sekadar di bahagian tertinggi organisasi. Setiap warga KKM diseru memahami peranan masing-masing, bekerja secara berpasukan serta memba-
wa nilai dan imej KKM sebagai "duta kecil" kesihatan di komuniti.

Beliau turut menyampaikan sijil kepada penerima Pensijilan Akreditasi *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) edisi ke-6, Pengiktirafan Klinik Rakan Bayi (KRB) bagi klinik kesihatan di Negeri Kedah tahun 2025 serta Perkhidmatan Trak Kesihatan *Wellness on Wheels* kepada 18 orang penerima.



Majlis Perasmian Klinik Desa Jabi, Pokok Sena, Kedah

5 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Desa Jabi, Pokok Sena, Kedah. Perasmian klinik desa ini mencerminkan komitmen berterusan KKM dalam memperkukuh perkhidmatan kesihatan primer, khususnya di kawasan luar bandar bagi memastikan akses perkhidmatan kesihatan yang saksama dan berterusan kepada rakyat.

Klinik Desa Jabi yang dibangunkan bermula pada Mei 2024 berperanan sebagai barisan hadapan perkhidmatan kesihatan awam, khususnya dalam penjagaan kesihatan ibu dan anak, perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan lawatan rumah dan perkhidmatan perancangan keluarga serta promosi dan pendidikan kesihatan kepada masyarakat setempat. Penaiktarafan Klinik Desa Jabi pada April 2025 turut menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada seramai 7,475 orang penduduk di 19 buah kampung dan sebuah taman perumahan dalam kawasan operasi.



Lawatan ke Klinik Kesihatan Bandar Alor Setar

6 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan KKM telah mengadakan lawatan rasmi ke negeri Kedah dengan melawat Klinik Kesihatan Bandar Alor Setar. Ketibaan YBhg Datuk Ketua Pengarah Kesihatan disambut oleh YBrs. Dr. Mohd Zukri bin Ibrahim, Pegawai Kesihatan Daerah Kota Setar dan diberikan taklimat ringkas berhubung pengoperasian klinik.

Nama asal klinik tersebut ialah Klinik Ibu dan Anak Bakar Bata (KIA Bakar Bata). Klinik ini kemudiannya mula beroperasi bersama Unit Pesakit Luar di bangunan hospital lama pada 1 Mac 2010 dan dikenali sebagai Klinik Kesihatan Bandar Alor Setar yang beroperasi sehingga sekarang. Klinik Kesihatan Jenis 1 ini menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada 52,128 orang penduduk.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan turut diberikan taklimat ringkas berhubung *Ultra-Portable X-ray* yang menawarkan program saringan Tibi untuk seluruh negeri Kedah dan Perlis meliputi lokaliti seperti penjara, depo tahanan warga asing dan perkampungan orang asli. Di samping itu, YBhg Datuk Ketua Pengarah Kesihatan turut meluangkan masa untuk melawat Hub Kesihatan Seksual & Reproduksi (SRH Hub), *Diabetic Resource Centre* dan turut meninjau tahap pengoperasian fasiliti perkhidmatan kesihatan lain yang ditawarkan kepada pesakit.



Lawatan ke Wellness Hub Kota Setar, Alor Setar

7 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah meneruskan lawatan rasmi ke Kedah dengan melawat destinasi terakhir iaitu *Wellness Hub* Kota Setar yang telah dinaik taraf daripada Pusat Promosi Kesihatan Komuniti kepada *Wellness Hub* Kota Setar, Alor Setar, Kedah.

Wellness Hub ini yang beroperasi sepenuhnya pada 28 November 2021 menawarkan kemudahan seperti Sudut Penilaian Risiko Kesihatan, Bilik Runding Cara Hidup Sihat, Sudut HepiLi, *Wellness Studio*, Gimnasium Mini, Bilik Seminar dan Bilik Mesyuarat.

Salah satu program yang dilaksanakan di *Wellness Hub* ini adalah bertujuan untuk membantu klien meningkatkan tahap kecergasan dan mencapai berat badan yang ideal.

Wellness Hub juga berfungsi sebagai pusat komuniti yang menyediakan bimbingan & kemahiran perubahan tingkah laku untuk membudayakan hidup sihat secara konsisten.



MAJLIS PELANCARAN *ELIMINATION PARTNERSHIP IN THE INDO-PACIFIC FOR CERVICAL CANCER* (EPICC)

9 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan bersama TYT Danielle Heinecke, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia telah menyertai Majlis Pelancaran *Elimination Partnership in the Indo-Pacific for Cervical Cancer* (EPICC) dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia dan Yayasan ROSE di Kuala Lumpur pada hari ini sekali gus menzahirkan komitmen bersama Kerajaan Malaysia dan Australia dalam usaha menghapuskan kanser serviks di Malaysia.

Inisiatif bersama ini bertujuan memperkukuh usaha Malaysia dalam menghapuskan kanser serviks dengan meningkatkan kapasiti serta memperluaskan akses kepada perkhidmatan saringan dan pencegahan. EPICC merupakan inisiatif serantau yang diterajui oleh Kerajaan Australia bagi menyokong negara-negara Indo-Pasifik dalam memperkukuh pencegahan, saringan, rawatan dan sistem kesihatan berkaitan kanser serviks, dengan matlamat untuk menghapuskan kanser serviks sebagai masalah kesihatan awam.

Di Malaysia, program ini akan dilaksanakan oleh Yayasan ROSE dengan kerjasama Pusat Australia bagi Pencegahan Kanser Serviks. Program selama tiga tahun (2026–2028) ini melaksanakan Memorandum Persefahaman 2025 dengan KKM, memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, pendaftaran kesihatan digital, bantuan teknikal, penglibatan komuniti serta sokongan bersepadu pelbagai pihak berkepentingan bagi memperluaskan akses saksama kepada saringan dan rawatan di seluruh negara. Seiring dengan program vaksinasi dan saringan oleh KKM, Malaysia kini menerajui usaha di peringkat serantau bagi menghapuskan kanser serviks.

Turut hadir YBhg. Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman, Pengerusi Yayasan ROSE, YBrs. Profesor Marion Saville, Pengarah Eksekutif Pusat Australia bagi Pencegahan Kanser Serviks (ACPCC) dan Pemegang Amanah Yayasan ROSE, YBrs Dr. Rabindra Abeyasinghe, Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, YBhg. Dato' Dr. Feisul Idzwan bin Dato' Mustapha, Pengarah Kesihatan Negeri Perak dan YBrs. Dr. Veronica Lughah, Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak.



LAWATAN KERJA RASMI KETUA PENGARAH KESEHATAN KE KELANTAN

Memperkasa Kualiti Perkhidmatan Kesihatan dari Akar Umbi

15 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah memulakan lawatan kerja rasmi ke Kelantan dengan lawatan ke Pejabat Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) di Pengkalan Chepa.

Dalam sesi ini, YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab telah diberikan taklimat terperinci mengenai pengurusan rantaian ubat-ubatan serta pemantauan kualiti makanan demi menjamin kesejahteraan rakyat Kelantan. Komitmen tinggi warga kerja mencerminkan teras keyakinan dalam aspirasi Malaysia MADANI, iaitu memastikan setiap produk kesihatan dan makanan di pasaran adalah selamat dan berkualiti.



Tinjauan Khidmat Rawatan: Keutamaan pada Akses dan Pemulihan

15 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah meneruskan lawatan ke Klinik Kesihatan (KK) Pengkalan Chepa.

Beliau telah meluangkan masa meninjau unit-unit penyampaian perkhidmatan bagi memastikan setiap pesakit mendapat rawatan dalam tempoh yang optima.

Satu aspek penting yang diberi perhatian adalah perkhidmatan *One Stop Centre for Addiction (OSCA)* yang menyediakan sokongan bersepadu bagi pemulihan penyalahgunaan bahan.

KKM komited dalam memastikan akses perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, berfokuskan rakyat serta berteraskan keprihatinan dalam setiap penyampaian perkhidmatan.



15 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan mengadakan Sesi Libat Urus Bersama Ketua-Ketua Perkhidmatan Kepakaran Kebangsaan, Ketua-Ketua Kepakaran Negeri Kelantan, Ketua PTJ, PKD, PKPD dan warga kerja hospital di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Melalui dialog ini, YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan menekankan kepentingan kolaborasi antara pelbagai profesion kesihatan untuk memperkukuh sistem rawatan kepakaran di Kelantan.

Beliau turut melakukan tinjauan teknikal ke unit-unit kritikal termasuk Makmal Kardiologi Invasif (ICL), Wad Pembedahan HDW, dan Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) bagi memastikan kesiapsiagaan fasiliti sentiasa di tahap tertinggi.

Unit Kardiologi HRPZ II merupakan pusat rujukan tertier pesakit kardiologi daripada seluruh negeri Kelantan dan juga sebilangan kes-kes dirujuk dari daerah Besut, Terengganu dan mula beroperasi pada Jun 2025 bagi memenuhi keperluan pertambahan bilangan pesakit di HRPZII. YBhg. Datuk KPK turut menyampaikan sijil pengiktirafan dan logo Bersih dan Selamat (BeSS) kepada dua pengusaha kios di Laman Selera HRPZ II.



Merapatkan Jurang Kesihatan: Perasmian Klinik Desa Padang Rokma

15 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Desa (KD) Padang Rokma. Fasiliti yang mula beroperasi pada tahun 1982 ini telah melalui fasa naik taraf bermula Julai 2024 dan siap sepenuhnya pada Februari 2025 bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan lebih selesa, moden dan efisien.

KD ini memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, lawatan ke rumah serta perancang keluarga, perkhidmatan pesakit luar, pusat promosi dan pendidikan kesihatan komuniti serta berupaya memberikan liputan perkhidmatan kesihatan yang lebih komprehensif kepada penduduk kawasan sekitarnya.

Perasmian ini mencerminkan komitmen berterusan ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia MADANI melalui transformasi sistem kesihatan yang inklusif, bagi memastikan tiada golongan masyarakat tercicir daripada menikmati akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.



Rumah Generasiku Sayang (GKS) Kelantan: Pelopor Perlindungan dan Sinar Harapan Generasi Hadapan

16 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan mengadakan lawatan ke Rumah Generasiku Sayang (GKS) Kelantan. GKS Kelantan merupakan antara pelopor dan yang pertama di Malaysia seumpamanya selain di Johor, hasil inisiatif murni warga kerja KKM di negeri ini.

Ditubuhkan sebagai pusat perlindungan bagi remaja hamil luar nikah, GKS bertujuan menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif bagi memastikan kelangsungan penjagaan kesihatan ibu dan bayi. Ia bukan sekadar tempat berteduh, malah pusat pemulihan emosi dan bimbingan kerohanian bagi membina semula masa depan mereka.

GKS Kelantan adalah hasil inisiatif dan mobilisasi sumber dalaman yang menunjukkan daya usaha luar biasa warga KKM Kelantan dalam menangani isu sosial dengan pendekatan kesihatan awam yang holistik. Sejak penubuhannya, ia telah berjaya menyantuni dan menyelamatkan nyawa serta memberikan peluang kedua kepada mereka yang memerlukan.



Tumpat: Komitmen Kesihatan Di Sempadan Negara Dan Perkhidmatan Unik Pulau

16 Februari 2026 - YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah melakukan tinjauan ke Klinik Kesihatan (KK) Pengkalan Kubor, pintu masuk utama yang menjadi nadi kesihatan di sempadan.

Keunikan Tumpat bukan sahaja pada geografinya, malah pada Perkhidmatan Kesihatan Pasukan Bergerak Laut.

KKM menyediakan Bot Ambulans khas bagi memastikan penduduk di gugusan pulau seperti Pulau Tujuh tidak terpinggir daripada mendapat akses rawatan kecemasan dan susulan.

YBhg. Ketua Pengarah Kesihatan turut meninjau operasi di Jabatan Kecemasan (ED) Hospital Tumpat bagi memastikan kesiapsiagaan tahap tinggi dalam mengendalikan kes kritikal. Lawatan turut merangkumi Pejabat Pergigian Daerah Tumpat (di bawah PKPD Tumpat) yang telah memberikan perkhidmatan sejak tahun 1980-an, kini diperkuh dengan pelbagai klinik pergigian statik dan sekolah untuk senyuman rakyat yang lebih sihat. Sejarah panjang perkhidmatan kesihatan di Tumpat, bermula dari penubuhan pejabat kesihatan sehingga transformasi fasiliti moden hari ini, adalah sebahagian daripada tekad KKM untuk membina komuniti yang sihat sejahtera.



Memperkukuh Perkhidmatan Makmal Untuk Survelan dan Wabak Bagi Kesihatan Awam



1 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan rasmi ke Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu sebagai tanda komitmen berterusan dalam memperkukuh sistem kesihatan awam negara.

Makmal ini memainkan peranan penting sebagai pusat rujukan wabak dan pengawasan penyakit di Pantai Timur. Antara perkhidmatan utama yang disediakan termasuk ujian mikrobiologi bagi pengesanan penyakit berjangkit serta analisis mikrobiologi, molekul dan kimia untuk pemantauan keselamatan makanan dalam sampel makanan, air dan persekitaran makanan.

Lawatan ini turut memberi ruang kepada pembentangan berkenaan kesiapsiagaan makmal, keupayaan teknologi sedia ada serta perancangan penambahbaikan perkhidmatan demi memastikan hasil ujian yang tepat, cepat dan berkualiti.

Pemerkasaan Keselamatan Makanan Menerusi Inisiatif Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) di Kelantan

2 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah meninjau pelaksanaan inisiatif BeSS di Kelantan bertempat di Kedai Nasi Kerabu Panji. Lawatan ini bertujuan melihat sendiri tahap kebersihan premis, amalan pengendalian makanan serta pematuan aspek keselamatan makanan di lokasi tumpuan orang ramai.

BeSS memberi penekanan kepada persekitaran makanan yang bersih, selamat dan bebas risiko pencemaran bagi melindungi kesihatan pengguna. Pendekatan turun padang ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan setiap makanan yang dinikmati rakyat adalah berkualiti dan selamat.



Program Singgah Sahur Hospital Raja Perempuan Zainab II

2 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Program Singgah Sahur bersama Pegawai Perubatan Siswazah di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII).

Beliau turut meninjau keadaan di Unit Kecemasan HRPZII serta menyampaikan beg makanan kepada waris dan pesakit yang berada di lokasi berhampiran.



MAJLIS PRA PELUNCURAN PELAN INDUK TENAGA KERJA KESIHATAN BERSEKUTU DI MALAYSIA 2026-2035

4 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pra Peluncuran Pelan Induk Tenaga Kerja Kesihatan Bersekutu di Malaysia 2026-2035 di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Majlis ini merupakan manifestasi keyakinan dan iltizam nasional untuk memastikan reformasi kesihatan negara tidak lagi bergerak secara silo, tetapi dipacu dengan visi yang lebih besar dan tersusun.

YB Menteri Kesihatan dalam ucapannya menekankan bahawa nadi sebenar sistem kesihatan adalah manusia, di mana Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) bertindak sebagai barisan hadapan dalam menentukan kualiti rawatan serta arkitek dalam pencegahan dan promosi kesihatan komuniti.

Pelan Tindakan ini merangkumi lima bidang keutamaan strategik: Perancangan Tenaga Kerja (*Workforce Planning*), Model Perkhidmatan (*Service Model*), Skop Amalan (*Scope of Practice*), Pembangunan Kerjaya (*Career Development*) dan Keselamatan Kesihatan Awam (*Public Health Security*). Usaha ini diperkuatkan melalui pendekatan inklusif dengan prinsip "*No One Should Be Left Behind*", yang melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk persatuan profesional, NGO, serta sokongan dana dan khidmat nasihat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

KKM komited mendukung aspirasi ini bagi memastikan setiap pelaburan dalam sumber manusia diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat yang nyata, merangkumi masyarakat di bandar mahupun luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan fasa 10 tahun ini di bawah RMK-13 dan RMK-14 akan memastikan sistem kesihatan negara terus mampan, berdaya tahan dan inklusif.

Turut hadir YB Dato Hajjah Hanifah Hajar binti Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKM, YBrs. Dr. Rabindra Abeyasinghe, Wakil WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, YBhg. Dato' Indera Dr. Nor Azimi Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan) dan YBrs. Puan L. Mageswary Lapchmanan, Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENGAMAL MEDIA 2026



5 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah hadir ke Majlis Berbuka Puasa bersama Pengamal Media 2026 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Majlis ini telah dihadiri oleh pengamal media dari pelbagai agensi media. YB Menteri Kesihatan berkesempatan untuk beramah mesra dengan semua pengamal media yang hadir ke majlis ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menghargai profesionalisme serta jalinan kerjasama strategik dengan pengamal-pengamal media yang membantu KKM dalam menyebarkan berita-berita kesihatan kepada masyarakat umum.

Turut hadir YB Dato Hajjah Hanifah Hajar binti Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKM dan YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.



MAJLIS IHYA RAMADAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TAHUN 2026



10 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Ihya Ramadan Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2026 yang diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya.

Majlis Ihya Ramadan Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2026 ini meraikan warga kerja Ibu Pejabat KKM yang terdiri daripada ibu dan bapa tunggal, pegawai kurang upaya (OKU) serta saudara baharu.

Majlis dimulakan dengan tazkirah Ramadan dan diikuti dengan jamuan berbuka puasa serta solat maghrib, isyak dan tarawih secara berjemaah.

Bagi menyemarakkan semangat kebersamaan dalam bulan yang mulia ini, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad turut berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada tetamu-tetamu yang diraikan.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE HOSPITAL SULTANAH BAHYIAH, ALOR SETAR

7 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah bagi merasmikan Makmal Invasif Kardiologi (ICL) di Unit Rawatan Jantung (CCU). Beliau turut meninjau perkembangan perkhidmatan kesihatan serta keperluan semasa hospital tersebut dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat.

Hospital Sultanah Bahiyah yang mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2007 kini merupakan hospital rujukan utama di Kedah dan Perlis dengan kapasiti 1,108 katil, menawarkan 17 kepakaran dan 62 subkepakaran, serta disokong oleh lebih 231 pakar perubatan dan lebih 4,000 anggota kesihatan yang komited memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Dalam lawatan ini, YB Menteri turut diberi taklimat mengenai perkembangan fasiliti hospital, pengurusan sumber manusia, transformasi digital serta inisiatif penambahbaikan yang sedang dan akan dilaksanakan bagi memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan. Usai taklimat, YB Menteri telah turun padang untuk melihat keadaan semasa pembinaan tempat letak kereta di kawasan hospital.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datin Paduka Roslinah binti Md Jani, Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan), YBrs. Dr. Nor Hayati binti Ibrahim, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, YBrs. Dr. Nor'Aishah binti Abu Bakar, Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan YBrs. Dr. Fauziah binti Abdul Wahab, Pengarah Hospital Sultanah Bahiyah.



SESI *CLOCK IN* KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

9 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah hadir ke sesi *clock in* YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia yang secara rasmi telah memulakan tugas beliau di KKM pada hari ini.

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad sebelum ini menyandang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Komitmen berterusan kepimpinan tertinggi kementerian ini mencerminkan iltizam berterusan dalam memperkukuh sistem kesihatan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.



SESI KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) KEPADA MENTERI KESIHATAN

30 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyantuni kunjungan hormat dan delegasi rasmi daripada Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, di Pejabat Menteri Kesihatan, Putrajaya.

Sesi perbincangan ini diatur bagi mengupas pelbagai inisiatif kesihatan sejagat serta mempertahankan jalinan bilateral di bawah payung agenda kesihatan nasional. Objektif inti pati perjumpaan ini adalah untuk mendukung dan melonjakkan taraf sistem kesihatan awam agar sentiasa mampan, di samping menjamin kelestarian penyampaian perkhidmatan rawatan demi kemaslahatan rakyat. Adalah diimpikan agar sinergi strategik di persada antarabangsa ini berupaya mencetuskan transformasi positif kepada ekosistem penjagaan kesihatan negara.

Turut hadir dalam sesi pertemuan rasmi ini adalah Dr. Rabindra Abeyasinghe selaku Ketua Pejabat Negara WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam, dan Singapura, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha (KSU) KKM, YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK), YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam (TPKA), YBrs. Dr. Ainul Nadzha binti Mohd Hanafiah, Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB) Dasar Dan Hubungan Antarabangsa dan Wakil daripada Wisma Putra.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEMBARA BERAYA BERSAMA CIK ERA



15 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Perasmian Program Kembara Berya Bersama Cik Era di Kompleks E7, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ramadan bukan sekadar bulan ibadah dan meningkatkan amalan kerohanian, malah ia juga merupakan masa terbaik untuk kita memperbaiki gaya hidup ke arah yang lebih sihat.

Dalam usaha memperkukuhkan sokongan kepada mereka yang ingin berhenti merokok, KKM memperkenalkan Cik Era AI, iaitu kesinambungan kepada Cik Era Chatbot yang telah dilancarkan sebelum ini. Cik Era AI berfungsi sebagai *virtual companion* dalam platform JomQuit, yang boleh diakses 24 jam sehari bagi memberikan maklumat, panduan, motivasi serta sokongan kepada individu yang sedang berusaha meninggalkan tabiat merokok.

YB Menteri Kesihatan turut memberikan simbolik pelaksanaan program dengan menyampaikan bahan promosi kepada wakil dan pengusaha restoran sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan sokongan berterusan terhadap inisiatif kerajaan dalam usaha kawalan merokok kepada Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India Muslim (PRIMAS) dan RB Bistro.

Melalui kerjasama ini, bahan promosi dan maklumat berkaitan perkhidmatan berhenti merokok akan dipaparkan dan diedarkan kepada orang ramai bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai platform JomQuit dan perkhidmatan sokongan yang disediakan.

Sehingga kini, terdapat 868 Klinik Kesihatan KKM serta lebih 300 klinik, hospital dan farmasi swasta di seluruh negara yang menyediakan khidmat sokongan kepada individu yang ingin berhenti merokok.



PROGRAM ZIARAH MADANI DAN PEKA B40 YB MENTERI KESIHATAN DI HOSPITAL SHAH ALAM

17 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempumakan Majlis Ziarah MADANI dan Program PeKa B40 bertempat di Hospital Shah Alam (HSAS).

Terdahulu di Auditorium HSAS, beliau telah menyampaikan sumbangan sempena Hari Raya Aidilfitri kepada 33 orang penerima. Seterusnya, beliau meneruskan lawatan ke Wad Pediatrik dan Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi mengagihkan pek iftar buat para pesakit serta petugas kesihatan.

Turut mengiringi ketibaan dan menyertai program beliau adalah YBrs. Dr. Ummi Kalthom Shamsudin, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor; YBrs. Dr. Ruzita binti Othman, Pengarah Hospital Shah Alam; YB Tuan Haji Azli bin Yusof, Ahli Parlimen Shah Alam dan YB Tuan Danial Al-Rashid bin Haron Aminar Rashid, ADUN Batu Tiga.

Acara ini turut dimeriahkan dengan kehadiran rakan kolaborasi strategik iaitu YBrs. Encik Wan Mohd Hazwan Wan Mohd Najib, Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Corporation, YBhg. Dato' Zulkifli Jafar, Ketua Pegawai Eksekutif Pharmaniaga serta YBhg. Dato' Mohd Aizzuddin Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan PRIHATIN.



22 Mac 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dan lawatan kerja ke Hospital Sungai Buloh. Ketibaan YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad telah disambut oleh Dr. Jasmeet Singh A/L Sucha Singh, Pengarah Hospital Sungai Buloh bersama pengurusan tertinggi dan warga Hospital Sungai Buloh.

Semasa lawatan berlangsung, YB Menteri Kesihatan berkesempatan untuk beramah mesra bersama warga Hospital Sungai Buloh di samping menyampaikan sedikit sumbangan kepada warga Hospital sebagai penghargaan daripada pihak kementerian dan hospital dalam memastikan setiap warga KKM, tanpa mengira gred atau jawatan, berasa dihargai dan tidak dilupakan dalam kemeriahan Syawal ini.

Dalam pada itu, YB Menteri Kesihatan telah meluangkan masa menyantuni pesakit dan petugas kesihatan. Beliau turut melawat wad ICU, Dewan Bedah dan Unit Kecemasan yang telah dibaik pulih dan dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada petugas kesihatan dan juga pesakit.

Sempena sambutan Aidilfitri ini, YB Menteri Kesihatan telah merakamkan ucapan penghargaan kepada semua petugas Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) yang beroperasi dengan keanggotaan yang lengkap demi tanggungjawab awam yang dipikul, terutamanya dalam tempoh musim perayaan ini.

Hospital Sungai Buloh yang mula beroperasi sejak September 2006, bukan sekadar sebuah fasiliti kesihatan awam tetapi sebagai Pusat Rujukan Nasional dan menjadi tunjang kepada koridor Selangor Utara.



SAMBUTAN HARI KESEDARAN KESIHATAN WANITA “PEMERKASAAN KESIHATAN WANITA SEBAGAI TONGGAK KESIHATAN KELUARGA”

12 Mac 2026 - YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan hari ini telah merasmikan Sambutan Hari Kesedaran Kesihatan Wanita 2026 yang diadakan bersempena sambutan Hari Wanita dengan tema “Pemeriksaan Kesihatan Wanita sebagai Tonggak Kesihatan Keluarga”.

Kesihatan wanita bukan sekadar isu sosial, tetapi merupakan pelaburan strategik jangka panjang yang mempengaruhi produktiviti ekonomi, kestabilan sosial dan daya tahan negara. Menurut Data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 dan 2023 menunjukkan kemajuan serta cabaran berterusan dalam kesihatan wanita. Diabetes menurun daripada 18.4% kepada 16.2%, namun obesiti (39.8%), hipertensi (29.2%) dan hiperkolesterolemia (36.3%) kekal tinggi, manakala kemurungan meningkat daripada 2.6% kepada 5.4%, menandakan keperluan memperkukuh akses kepada perkhidmatan kesihatan mental yang lebih inklusif dan bebas stigma.

Laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia 2017–2021 menunjukkan kanser payudara kekal sebagai kanser paling lazim dalam kalangan wanita dengan purata 5,908 kes baharu setiap tahun. Insiden kanser serviks pula menunjukkan penurunan, mencerminkan keberkesanan pelaksanaan vaksinasi HPV serta saringan berkala yang diperkukuh secara berterusan. KKM akan terus memperkukuh pelaksanaan pelbagai inisiatif kesihatan wanita merangkumi promosi kesihatan, pencegahan penyakit, saringan berkala serta pengesanan awal penyakit.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBrs Dr. Fauziah binti Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian).



LAWATAN KERJA RASMI KETUA SETIAUSAHA KKM KE SARAWAK



13 Mac 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghadiri sesi taklimat oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) sempena lawatan kerja beliau ke Sarawak. Lawatan kerja ini bertujuan untuk memastikan kelancaran pengurusan dan memperkasakan penyampaian perkhidmatan kesihatan di negeri ini.



Seterusnya beliau meneruskan lawatan ke Hospital Umum Sarawak (HUS) bagi meninjau tahap kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan hospital terbesar di negeri ini.

Ketibaan beliau disambut oleh YBrs. Dr. Ngian Hie Ung, Pengarah Hospital Umum Sarawak sebelum diberikan taklimat mengenai operasi keseluruhan hospital termasuk kapasiti perkhidmatan, cabaran semasa serta usaha meningkatkan kualiti rawatan kepada pesakit.

Hospital Umum Sarawak merupakan antara institusi kesihatan tertua dan terpenting di negeri ini. Ia dibina pada tahun 1926 dan mula beroperasi dengan pembinaan blok pertama pada tahun 1931. Kini, hospital tersebut berkembang sebagai pusat rujukan utama yang menawarkan 26 perkhidmatan kepakaran dan 53 subkepakaran, dengan kapasiti 1,020 katil serta disokong oleh 4,409 tenaga kerja kesihatan.

Beliau turut meluangkan masa dengan melawat Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) serta *Clinical Research Centre* (CRC) bagi meninjau operasi perkhidmatan, aliran pesakit serta keupayaan hospital dalam memberikan rawatan yang cepat dan berkesan kepada masyarakat.



31 Mac 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Laporan *Patient Voices* Malaysia di Menara Prudential, TRX, Kuala Lumpur.

Sistem kesihatan Malaysia telah mencatat kemajuan yang signifikan sejak beberapa dekad lalu. Pelaburan berterusan oleh kerajaan, telah membina satu sistem yang memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat antaranya peningkatan jangka hayat, penurunan kadar kematian bayi, serta kejayaan mengawal pelbagai penyakit berjangkit.

Inflasi perubatan yang meningkat, populasi yang semakin menua, serta pertambahan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, penyakit kardiovaskular dan kanser, telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan. Trend ini menguji kelestarian pembiayaan kesihatan bagi sektor awam dan swasta. Kedua-duanya perlu kekal mampan dan relevan agar aspek akses, kemampuan dan pilihan terus terjamin untuk rakyat.

Inflasi tuntutan perubatan merupakan antara cabaran struktur paling kritikal ketika ini dan industri tidak mampu menanganinya secara bersendirian. Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah konkrit melalui RESET – satu strategi menyeluruh berasaskan pendekatan seluruh negara bagi menjadikan penjagaan kesihatan swasta lebih mampan, berasaskan nilai dan mudah diakses, khususnya untuk golongan pertengahan. Salah satu hasil utama ialah Pelan Asas MHIT produk insurans dan takaful sukarela yang dibangunkan secara bersama di peringkat nasional. Kertas Putih berkaitan juga telah diterbitkan.

Inisiatif ini melibatkan pelbagai kementerian merangkumi aspek kesihatan, kewangan dan dasar ekonomi, serta kerjasama erat dengan sektor swasta melalui pelbagai dasar dan langkah yang saling melengkapi. Dalam konteks ini, kerajaan berperanan sebagai pemudah cara dan rakan kolaborasi dalam keseluruhan ekosistem kesihatan negara.

Kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta merupakan tunjang penting dalam memperkukuh sistem kesihatan negara. Melalui pendekatan kolaboratif ini, kepakaran, sumber dan inovasi daripada kedua-dua pihak dapat digembleng secara optimum bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperluas akses serta mengawal kos penjagaan kesihatan.



MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN KE-15 PERINGKAT KEBANGSAAN 2026



11 Mac 2026 - YBhg. Datuk Dr Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan Majlis Peluncuran Sambutan Hari Pembantu Perubatan ke-15 Peringkat Kebangsaan 2026 di Auditorium Kompleks E, Putrajaya.

Selaras dengan tema tahun ini iaitu "Memacu Pemodenan Perkhidmatan, Meningkatkan Kualiti Kesihatan", fokus utama diberikan kepada pemodenan digital, minda, dan budaya kerja.

Antara inisiatif yang diperkenalkan demi pemerkasaan dan kebajikan warga PPP termasuklah penelitian Rang Undang-Undang baharu bagi menggantikan Akta Pembantu Perubatan 1977 (Akta 180) untuk memperkukuh perlindungan perundangan dan pelancaran *Standard Practice Guidelines* (SPG) baharu, Modul Latihan PHCALs, dan Model Permentoran PPP sebagai rujukan amalan klinikal yang selamat.

Selain itu, pengenalan sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S) yang lebih efisien dan telus untuk memudahkan proses pertukaran tempat bertugas. KKM juga akan memperhalusi isu perpindahan anggota PPP berkemahiran tinggi yang dinaikkan pangkat agar kepakaran mereka tidak terjejas.

YBhg. Ketua Pengarah Kesihatan juga berkesempatan untuk menyerahkan Anugerah Pengurusan Penarafan Bintang, Anugerah Ketua Penolong Pegawai Perubatan, Anugerah Tokoh Penolong Pegawai Perubatan Harapan 2026 dan Anugerah Tokoh Penolong Pegawai Perubatan Kebangsaan 2026 bagi mengiktiraf usaha mereka dalam memperkasa Pembantu Perubatan.



MAJLIS PERJUMPAAN PENGURUSAN TERTINGGI KKM BERSAMA ROMBONGAN PETUGAS HAJI (PERUBATAN) KE TANAH SUCI BAGI MUSIM HAJI 1447H/2026M

2 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyantuni petugas perubatan yang telah terpilih bagi menyertai Misi Perubatan Haji Musim 1447H/2026M di Dewan Serbaguna, Kompleks E7, Kementerian Kesihatan Malaysia hari ini.

Seramai 224 petugas perubatan telah terpilih dalam memastikan kesihatan dan kebajikan jemaah haji Malaysia sentiasa terpelihara sepanjang berada di Tanah Suci.

Pasukan ini terdiri daripada pelbagai disiplin profesional termasuk pakar perubatan, pegawai perubatan, jururawat, pegawai farmasi serta pasukan sokongan yang akan berkhidmat dengan penuh dedikasi dan komitmen demi memastikan jemaah haji dapat menunaikan ibadah dengan sempurna dan selamat.

Kementerian Kesihatan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas pengorbanan dan kesanggupan para petugas yang membawa amanah besar negara dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik. Semoga segala urusan dipermudahkan dan setiap khidmat bakti yang dicurahkan dikurniakan ganjaran yang sebaiknya.

Selamat berangkat dan selamat berkhidmat.

Turut hadir, YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan, YBrs. Tuan Haji Mustakim Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji; YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM; YBrs. Dr. Ismuni bin Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam); YBrs. Ts. Zailina binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Program Keselamatan dan Kualiti Makanan) dan YBrs. Tuan Haji Mohd Hisham Harun, Pengarah Haji Lembaga Tabung Haji.



LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN KETUA SETIAUSAHA KKM KE PROJEK FASILITI KESIHATAN NEGERI PERAK

Projek Pembinaan Blok Baharu Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar

4 April 2026 - YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara turun padang bagi meninjau status kemajuan projek pembinaan blok baharu Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Kangsar hari ini.

Ketibaan YBhg. Tan Sri KSN disambut oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan barisan kepimpinan negeri dan teknikal iaitu YBhg. Dato' Dr Feisul Idzwan bin Dato' Mustapha, Pengarah Kesihatan Negeri Perak dan YBrs. Ir. Hj. Zamri bin Mat Kasim, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak. Turut hadir, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan YBhg. Dato' Haji Mohd Zakuan bin Hj. Zakaria, Pengarah Pembangunan Negeri Perak (ICU JPM).

Pembinaan blok baharu Jabatan Kecemasan dan Trauma ini merupakan satu lonjakan penting dalam meningkatkan kapasiti dan kualiti rawatan kecemasan dengan operasi 24 jam yang akan menawarkan perkhidmatan lebih cekap, responsif dan berfokuskan pesakit bagi mengurangkan kesesakan serta mempercepat akses kepada rawatan kritikal.



Lawatan ke Klinik Kesihatan Manjoi, Ipoh

4 April 2026 - YBhg. Ketua Setiausaha Negara diiringi Ketua Setiausaha KKM telah meneruskan siri lawatan ke fasiliti di negeri Perak dengan mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Manjoi, Ipoh bagi meninjau status kemajuan projek naik taraf klinik berkenaan.

YBrs. Ir. Hj. Zamri bin Mat Kasim selaku Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak memberikan taklimat ringkas berhubung perkembangan semasa projek tersebut.

Klinik Kesihatan Manjoi telah beroperasi sejak tahun 1971 kini menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada lebih 40,000 penduduk di kawasan sekitarnya. Seiring dengan pembangunan pesat Bandaraya Ipoh di bawah seliaan Majlis Bandaraya Ipoh, fasiliti sedia ada sedang dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan Jenis 3 (5 tingkat) bagi meningkatkan kapasiti serta kualiti perkhidmatan kepada komuniti setempat.

KKM bersama JKR Negeri Perak akan terus memperkukuh pemantauan dan penyelarasan bagi memastikan projek ini disiapkan mengikut perancangan, seterusnya membolehkan fasiliti ini beroperasi secara optimum dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap, selesa dan berkualiti kepada rakyat.





Majlis Perasmian Program MADANI Rakyat 2026

4 April 2026 - YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri hari ini merasmikan Majlis Perasmian Program MADANI Rakyat (PMR) 2026 Perak di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak.

YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menegaskan bahawa meskipun dunia berdepan pelbagai ketidaktentuan dan konflik, Kerajaan kekal komited untuk mencari jalan terbaik bagi memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terjamin.

YAB Perdana Menteri turut berkesempatan menyantuni petugas-petugas reruai termasuk petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Turut hadir, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM dan YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM.

Sesi Walkabout Ketua Setiausaha KKM Ke Reruai KKM Sempena PMR 2026 Perak

4 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM berkesempatan menghadiri Sesi Walkabout ke reruai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sempena Program MADANI Rakyat (PMR) 2026 Perak bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak.

Antara reruai yang dikunjungi ialah reruai utama KKM, Saringan Kesihatan, Moh Jaga Gigi, Selamatkan Makanan Anda, Jom Cantik dan Sihat serta perkhidmatan bergerak KKM.

Turut hadir, YBhg. Dato' Dr Feisul Idzwan bin Dato' Mustapha, Pengarah Kesihatan Negeri Perak dan YBrs. Puan Rosnina binti Yaacob, Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan) KKM.



7 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah hadir dan diiringi oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad Ketua Setiausaha KKM ke Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Bilangan 5 Tahun 2026 yang telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra hari ini.

Penyertaan pihak KKM dalam sesi mesyuarat ini memfokuskan kepada sesi pembentangan berkaitan keterjaminan bekalan ubat-ubatan berikutan krisis tenaga global. Tindakan pantas melalui pentas MTEN ini adalah amat penting bagi memantau dan merangka dasar yang proaktif demi memacu kestabilan ekonomi negara.

Inisiatif ini memberi manfaat yang besar kepada Malaysia dalam memastikan keselamatan bekalan perubatan kekal terjamin tanpa gangguan, yang mana ia bakal membawa impak positif kepada kelancaran penyampaian perkhidmatan kesihatan awam demi kesejahteraan rakyat, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI.



SAMBUTAN HARI PENDENGARAN SEDUNIA 2026

10 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian Hari Pendengaran Sedunia di Auditorium Kompleks E, Putrajaya hari ini.

Hari Pendengaran Sedunia disambut setiap 3 Mac sebagai inisiatif global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan pendengaran serta pencegahan kehilangan pendengaran.

Tema tahun ini, "Dari Komuniti ke Bilik Darjah: Penjagaan Pendengaran untuk Semua Kanak-Kanak" menekankan keperluan pendekatan menyeluruh melibatkan keluarga, komuniti, fasiliti kesihatan dan institusi pendidikan.

Di peringkat global, lebih 1.5 bilion penduduk dunia mengalami masalah pendengaran. Di Malaysia, 21.5% rakyat mempunyai masalah pendengaran walau bagaimanapun lebih 60% kes boleh dicegah melalui langkah kesihatan awam.



SESI FLAG-OFF FUN RUN HOSPITAL KUALA LUMPUR

11 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyertai sesi *flag-off Fun Run Hospital Kuala Lumpur* di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur hari ini. Sebelum sesi *flag-off* YB Menteri telah menyertai sesi regangan badan sebelum meneruskan *Fun Run* sejauh 5 kilometer.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan lebih 1,200 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan menawarkan dua kategori utama iaitu kategori kanak-kanak dan dewasa, sekali gus membuka ruang kepada penyertaan seluruh keluarga.

Penganjuran HKL *Fun Run* 2026 bukan sekadar acara larian semata-mata, tetapi membawa mesej yang lebih besar iaitu kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental secara berterusan. Program ini juga mengangkat elemen kebajikan serta nilai keprihatinan terhadap masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, ihsan dan kemampunan dalam kehidupan seharian.

KKM terus komited menjadikan Malaysia lebih sihat dan cergas selari dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat.





12 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan majlis perasmian Hari Buah Pinggang Sedunia Peringkat Kebangsaan 2026 bertempat di Wisma MBSA, Shah Alam hari ini.

Tema sambutan pada tahun ini, "Kesihatan Buah Pinggang untuk Semua – Menjaga Manusia, Melindungi Planet", adalah sangat bertepatan dengan keutamaan KKM dalam merangka sebuah sistem kesihatan yang inklusif, saksama, dan mampan.

Dalam pada masa sama, KKM turut memperkukuh Dasar *PD-First (Peritoneal Dialysis First)* dengan menggalakkan dialisis di rumah yang lebih fleksibel, mengurangkan kesesakan dan menjimatkan kos.

Pada 2025, RM40 juta diperuntukkan untuk rawatan ini dengan peratusan pesakit yang menjalani rawatan PD di fasiliti KKM kini telah meningkat kepada 42% (berbanding 36.6% pada 2020) melibatkan 3,161 pesakit yang telah menerima manfaat rawatan PD secara langsung di fasiliti KKM.

Usaha ini juga diperkukuh melalui kerjasama NGO seperti *National Kidney Foundation Malaysia* bagi memperluas saringan kesihatan dan kesedaran pendermaan organ termasuk sokongan Kerajaan Negeri Selangor. YB Menteri turut menyeru masyarakat agar memanfaatkan kemudahan Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) dan Skim PeKa B40 yang disediakan secara percuma oleh Kerajaan.

KKM sentiasa komited dalam memperkukuh pencegahan, rawatan dan kesedaran kesihatan demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Turut hadir YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar Negeri Selangor, YBrs. Tuan Haji Mohd Firdaus bin Mokhtar, Ahli Majlis MBSA, YBrs. Dr. Sunita Bavanandan, Perunding Kanan Pakar Nefrologi, merangkap Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia, Pengerusi Daftar Renal Kebangsaan dan YBrs. Professor Dr. Lim Soo Kun, Presiden Persatuan Nefrologi Malaysia (MSN).



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE FASILITI KESIHATAN BATU PAHAT, JOHOR

17 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan kunjungan ke tapak projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) berserta kuarters Parit Raja, Batu Pahat bagi meninjau sendiri kemajuan pelaksanaan projek yang bakal menjadi pemangkin kepada peningkatan akses perkhidmatan kesihatan berkualiti di kawasan tersebut.

YB Menteri Kesihatan telah diberikan taklimat terperinci oleh YBrs. Ir. Ts. Azman bin Zakariah, Jurutera Awam Penguasa Kanan, Pasukan Projek Persekutuan Kerja Raya Negeri Johor berhubung status semasa projek, termasuk kemajuan fizikal, perancangan pelaksanaan serta langkah-langkah mitigasi bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Parit Raja, Batu Pahat (gantian) ini dibangunkan di Mukim Sri Gading dan dijangka siap sepenuhnya pada 25 September 2028.



Lawatan YB Menteri Kesihatan diteruskan ke Klinik Kesihatan Sri Gading bagi meninjau kemajuan perkhidmatan serta keperluan penambahbaikan infrastruktur kesihatan awam.

Sejak 2023, Klinik Kesihatan Sri Gading (Jenis 4) telah menjalani kerja-kerja naik taraf melibatkan pembaikan bangunan dan infrastruktur asas, diikuti penambahbaikan fasiliti Kesihatan Ibu dan Anak (MCH), farmasi, makmal serta kemudahan sokongan pada tahun 2024 bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.



KKM turut merancang beberapa penambahbaikan strategik termasuk pendigitalan sistem rekod kesihatan melalui *Cloud-Based Clinical Management System (CCMS)*, peluasan perkhidmatan sokongan serta pemerkasaan program *Enhanced Primary Healthcare* termasuk perkhidmatan kesihatan warga emas.



YB Menteri Kesihatan telah meneruskan lawatan ke Klinik Kesihatan (KK) Parit Yaani, Batu Pahat, Johor.

Bagi memperkukuh kualiti penyampaian perkhidmatan di Klinik Kesihatan Parit Yaani pada masa hadapan, beberapa inisiatif penambahbaikan strategik telah dirangka, merangkumi pelaksanaan pendigitalan sistem rekod kesihatan melalui CCMS, penambahan perkhidmatan sokongan seperti pemakanan dan fisioterapi, serta pengisian perjawatan kritikal termasuk Penolong Pegawai Perubatan.

YB Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Klinik Kesihatan (KK) Tongkang Pechah, Batu Pahat. Mula beroperasi pada tahun 1988 dan merupakan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3, KK Tongkang Pechah memberi perkhidmatan kesihatan kepada seramai 59,994 orang penduduk sekitar dengan purata harian kedatangan pesakit adalah 483 pesakit.

Beberapa inisiatif penambahbaikan strategik merangkumi pelaksanaan pendigitalan sistem rekod kesihatan melalui CCMS, penambahan perkhidmatan sokongan seperti dietetik dan fisioterapi, serta pemerkasaan perkhidmatan kesihatan warga emas dan remaja akan disediakan di Klinik Kesihatan Tongkang Pechah pada masa hadapan.

YB Menteri Kesihatan turut meluangkan masa meninjau tahap pengoperasian fasiliti perkhidmatan kesihatan lain yang ditawarkan kepada pesakit.



18 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan kunjungan ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) Batu Pahat. HSNI melalui sejarah panjang dalam penubuhannya iaitu bermula 1894 di mana ia dikenali dengan Rumah Sakit Batu Pahat, Simpang Rantai yang kemudiannya berpindah ke Jalan Batu Pahat-Kluang sebagai Hospital Daerah Batu Pahat pada 1914.

Operasi Hospital Batu Pahat dipertingkatkan dengan kapasiti 314 katil pada 1984 dan kini beroperasi dengan 610 buah katil bagi menampung lebih 500,000 ribu penduduk; statistik kedua tertinggi selepas Johor Bahru.

YB Menteri Kesihatan turut meluangkan masa meninjau kualiti perkhidmatan dan fasiliti kesihatan di sini seperti Tapak Cadangan Unit Rawatan Harian, Wad Perubatan, Jabatan Kecemasan dan Jabatan Radiologi.



MAJLIS PELANCARAN DAPATAN TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI (NHMS) 2025: KESIHATAN WARGA EMAS



20 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Dapatan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2025: Kesihatan Warga Emas di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2025 menunjukkan bahawa hanya 14.7% warga emas di Malaysia mencapai penuaan sejahtera, iaitu berada dalam keadaan sihat dari segi fizikal, mental dan sosial.



Dapatan tinjauan ini turut menunjukkan bahawa 18.8% warga emas kini tinggal bersendirian, meningkat hampir tiga kali ganda berbanding tahun 2018. Dari aspek kesihatan mental, sebanyak 9.8% warga emas mengalami demensia, manakala kadar kemurungan menurun kepada 8.0%.

Dari sudut kesihatan fizikal pula, prevalens penyakit kronik dalam kalangan warga emas adalah tinggi dengan 39% menghidap diabetes, 73% mengalami tekanan darah tinggi dan 76% mempunyai paras kolesterol tinggi. Malah, 68% warga emas didapati mempunyai sekurang-kurangnya dua penyakit kronik, manakala 30% menghidap ketiga-tiganya. Selain itu, 30.6% warga emas didapati tidak aktif secara fizikal dan 45% mengalami sarkopenia.

Walaupun terdapat penambahbaikan dalam keupayaan warga emas melaksanakan aktiviti kehidupan harian, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa cabaran kesihatan dalam kalangan warga emas semakin kompleks dan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh.

Sehubungan itu, KKM komited untuk terus memperkukuh dasar dan perkhidmatan kesihatan warga emas selaras dengan Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023–2030, demi memastikan kesejahteraan golongan ini terus terpelihara.



23 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah merasmikan Hari Sambutan Autisme Sedunia 2026 Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia di Ibu Pejabat KKM, Putrajaya dengan tema "Autisme dan Kemanusiaan: Setiap Kehidupan Mempunyai Nilai".

Hari Autisme Sedunia disambut pada 2 April setiap tahun dan diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran mengenai *Autisme Spektrum Disorder (ASD)*, iaitu satu keadaan perkembangan neurologi yang mempengaruhi komunikasi, interaksi sosial dan tingkah laku individu.

Untuk rekod, terdapat peningkatan ketara kes autisme dalam negara, dengan jumlah kes yang direkodkan meningkat daripada 562 kes pada tahun 2020 kepada 2,223 kes pada tahun 2025, iaitu peningkatan 3 kali ganda.

Dalam majlis ini turut mengetengahkan potensi individu autisme melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti, termasuk persembahan seni, pertandingan kreativiti serta reruai keusahawanan seperti Bakeri Rotism, seni kreatif *The Pastel Worker*, kemahiran jahitan oleh *The Xiang Brothers* dan aktiviti interaktif seperti lukisan wajah.

KKM terus komited dalam memperkukuh usaha pengesanan awal, intervensi serta sokongan berterusan kepada individu autisme dan keluarga mereka.

PELANCARAN BUKU RESIPI 'MAI KURANG' PROMOSI BUDAYA PEMAKANAN SIHAT



25 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan Buku Resipi 'Mai Kurang', untuk memperkukuh promosi pemakanan sihat serta pencegahan penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Diseases, NCD*).

Buku resipi ini bukan sekadar sebuah buku masakan, tetapi merupakan satu intervensi yang praktikal berasaskan konsep *Behavioural Insight* dan langkah strategik dalam membudayakan pemakanan sihat di tempat kerja.

Merujuk data terbaharu dari Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) mendedahkan realiti yang amat membimbangkan di mana:

- Lebih daripada setengah juta rakyat dewasa di negara ini menghidap sekurang-kurangnya empat NCD utama secara serentak.
- 1 daripada 6 orang dewasa menghidap kencing manis.
- 1 daripada 3 orang dewasa mengalami tekanan darah tinggi.

Melihat kepada tabiat pemakanan menerusi data NHMS 2024:

- 47% orang dewasa mengambil gula melebihi paras yang disarankan, iaitu lebih daripada 7.5 sudu teh sehari (kebanyakannya berpunca daripada minuman manis).
- 3 daripada 4 orang dewasa mengambil garam berlebihan, sekitar 7.3 gram sehari—jauh melangkaui saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu kurang daripada 5 gram sehari.

Pendekatan pencegahan yang menumpukan kepada perubahan tingkah laku serta penglibatan seluruh masyarakat adalah kunci utama dalam menangani peningkatan beban NCD.



MAJLIS PELANCARAN KEMPEN 6020 DAN 'KEMBARA SENYUMAN' PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2026

26 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan Kempen 6020 dan inisiatif 'Kembara Senyuman' peringkat Kebangsaan sebagai langkah proaktif mendepani realiti masyarakat menua di Malaysia di Ijok, Selangor.

Pelancaran ini merupakan langkah proaktif kerajaan dalam mendepani cabaran masyarakat menua, di mana penduduk berumur 65 tahun ke atas telah mencecah 8.0% pada tahun 2025. Manakala menjelang 2030 pula, bilangan rakyat berumur 60 tahun ke atas dijangka melonjak kepada sekitar 5.8 juta orang (15.3% daripada populasi keseluruhan).



Kempen 6020 membawa mesej: "Umur 60 tahun, sekurang-kurangnya 20 batang gigi". Inisiatif ini menyasarkan lebih 50% penduduk berumur 60 tahun ke atas mengekalkan sekurang-kurangnya 20 batang gigi asli menjelang tahun 2030, selari dengan Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2022-2030. Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Mulut Orang Dewasa (NOHSA 2020), hanya 34.3% warga emas mencapai tahap ini, manakala 13.9% mengalami limitasi fungsi mulut yang menjejaskan kualiti hidup mereka.

Menyedari kekangan logistik dan fizikal yang dihadapi oleh sesetengah warga emas, KKM memperkenalkan 'Kembara Senyuman', yang membawa perkhidmatan pembuatan gigi palsu terus ke komuniti, pusat jagaan, dan kawasan pedalaman melalui:

i. Pendekatan Jangkauan Luar (*Outreach*)

Memastikan tiada golongan rentan tercicir daripada akses kesihatan pergigian. Fokus diberikan kepada warga emas yang uzur, kurang upaya, atau tinggal jauh dari fasiliti kesihatan agar mereka tidak tercicir daripada mendapat rawatan.

ii. Teknologi Digital (3DDT)

Penggunaan teknologi pendigitalan untuk penghasilan gigi palsu yang lebih cepat dan berkualiti tinggi.

YB Menteri Kesihatan turut menyempurnakan pelepasan acara Langkah Sihat dan turut sama mengambil bahagian bersama 200 peserta lain. Sejurus selepas itu, beliau telah meluangkan masa menyantuni para pesakit serta menyampaikan sumbangan kepada mereka di Kampung Harmoni dan Kampung Bukit Badong dalam kalangan masyarakat.



28 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan memulakan lawatan kerja rasmi ke Negeri Sembilan dengan melawat Klinik Kesihatan (KK) Rompin, Jempol, hari ini.

KK Rompin, Jempol telah mula beroperasi secara rasmi pada 11 November 2024 dan kini menyediakan perkhidmatan kepada seramai 15,717 penduduk, termasuk meliputi lima perkampungan Orang Asli dalam kawasan operasinya.



YB Menteri Kesihatan meneruskan lawatan ke Hospital Jempol. Ketibaan beliau telah disambut oleh Pengarah Hospital Jempol, YBrs. Dr. Zul Iskandar bin Zainudin dan dibawa meninjau sekitar hospital bagi melihat secara dekat kemudahan fasiliti serta perkhidmatan kesihatan yang disediakan kepada pesakit.

Lawatan ini bertujuan menilai keperluan penambahbaikan dalam usaha memperkukuh kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan di hospital berkenaan.

Hospital yang berkeluasan 29.32 ekar ini mula dibina pada Disember 2001 dan mula beroperasi pada 1 Disember 2005.

Kini, hospital ini mempunyai kapasiti 108 katil dengan kekuatan 299 orang kakitangan, serta menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada lebih 129,000 penduduk di kawasan sekitarnya.



YB Menteri Kesihatan bersama YB Datuk Seri Dr. Ahmad Bin Hj. Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Blok Tambahan yang telah dibina di atas tapak seluas 4.18 ekar di Kuala Pilah, Negeri Sembilan siap sepenuhnya dan diberi Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 27 April 2026. Projek ini merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan dilaksanakan melalui kaedah Reka & Bina. Blok Tambahan 6 tingkat ini melengkapkan keseluruhan kapasiti HTAN dengan 458 katil beserta 6 dewan bedah baharu.



PELANCARAN MALAYSIA OCCUPATIONAL HEALTH SERVICES FOR PUBLIC SECTOR (MYOHS-PS) & INTEGRATED WORKPLACE HEALTH PROGRAMME (IWHP)



30 April 2026 - YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan *Malaysia Occupational Health Services for Public Sector (MyOHS-Ps) & Integrated Workplace Health Programme (IWHP)* bersempena dengan Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 28 April bersama Hari Pekerja pada 1 Mei mengangkat tema "*Ensuring a Healthy Psychosocial Working Environment*", menekankan kepentingan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

International Labour Organization (ILO) melaporkan hampir 3 juta kematian setiap tahun akibat penyakit dan kecederaan pekerjaan, manakala di Malaysia, kes kecederaan pekerjaan meningkat 13.8% daripada 34,216 (2022) kepada 38,950 (2023), menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh pendekatan pencegahan dan pengurusan risiko di tempat kerja.



Sejajar dengan pendekatan *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society*, KKM memperkenalkan dua inisiatif utama:

MyOHS-Ps- Inisiatif strategik untuk memperkukuh perkhidmatan kesihatan pekerjaan sektor awam melalui pendekatan sistematik dan berasaskan risiko, merangkumi pengawasan perubatan, pengesanan awal serta pencegahan penyakit pekerjaan.

Pelaksanaannya dimulakan secara berfasa melalui projek rintis melibatkan agensi berisiko tinggi seperti PDRM, PBT, ANM dan JPJ di Lembah Klang, sebelum diperluaskan ke seluruh sektor awam berdasarkan dapatan rintis selaras dengan Pelan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30).

IWHP - Program bersepadu yang menggabungkan promosi kesihatan, saringan kesihatan, gaya hidup sihat serta pembangunan persekitaran kerja yang sihat dan bebas asap rokok.

Fokus awal program ini adalah inisiatif "Paru-paru Sihat, Pekerja Selamat" yang memberi penekanan kepada kesihatan respiratori, kualiti udara dalaman serta risiko merokok dan vape di tempat kerja.

LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN SEMPENA JELAJAH KESIHATAN BORNEO NEGERI SARAWAK SIRI 1

Hospital Umum Sarawak (7 April 2026)

Lawatan tersebut memberi fokus kepada usaha memastikan kemudahan kesihatan awam sentiasa bersedia memenuhi keperluan rakyat di Bahagian Kuching khususnya dalam menangani peningkatan jumlah pesakit serta memastikan akses rawatan yang lebih efisien.



Anjung Kasih Juma'ani (7 April 2026)

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Sarawak dalam menyediakan kemudahan penginapan yang lebih selesa dan teratur bagi keluarga pesakit di Hospital Umum Sarawak. Kerja-karya ubah suai telah pun bermula pada bulan Februari 2026 dan dijangka siap pada Jun 2027 akan menempatkan 124 katil untuk keluarga pesakit yang memerlukan penginapan.



Klinik Kesihatan Tanah Puteh (7 April 2026)

Klinik yang mula beroperasi sejak tahun 1977 ini memberi perkhidmatan kepada penduduk sekitar dan berperanan sebagai klinik induk kepada beberapa fasiliti lain termasuk KKIA Sekama, KKIA Bintawa serta Klinik Komuniti Tabuan Jaya. Penggunaan sistem pendigitalan kesihatan TPC-OCHIS turut memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan, selaras dengan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memodenkan sistem kesihatan awam.



Klinik Kesihatan Jalan Masjid (7 April 2026)

Beroperasi sejak tahun 1956, klinik ini memberikan perkhidmatan dan bertindak sebagai klinik induk kepada beberapa fasiliti lain termasuk KKIA Jawa, KKIA Gita, Klinik Kesihatan UTC Kuching dan Klinik Komuniti Matang. Klinik ini turut melaksanakan penggunaan sistem pendigitalan kesihatan CCMS bermula tahun 2025 serta menawarkan semula perkhidmatan *Extended Hours* yang beroperasi pada hari bekerja bagi meningkatkan akses rawatan kepada komuniti setempat.



Klinik Kesihatan Asajaya (8 April 2026)

Fasiliti ini mula beroperasi sebagai klinik kesihatan baharu pada 17 Januari 2011 selepas bangunan lama musnah dalam kebakaran pada awal Oktober 2004. Beliau turut berkesempatan meninjau tapak pembinaan blok baharu Klinik Kesihatan Asajaya yang dibangunkan bagi menampung peningkatan keperluan pesakit. Projek pembinaan ini telah bermula pada Julai 2025 dan dijangka siap pada Julai 2027.





Majlis Perasmian Blok Baharu Klinik Kesihatan Semera (8 April 2026)

Penambahan blok baharu tersebut akan meningkatkan keupayaan klinik termasuk penyediaan ruang rawatan yang lebih luas, farmasi serta kawasan menunggu yang lebih kondusif bagi membantu mengurangkan kesesakan terutama pada waktu puncak. Perkhidmatan kesihatan yang disediakan meliputi rawatan primer serta fungsi lanjutan termasuk perkhidmatan *mobile medical* bagi memperluas capaian rawatan kepada komuniti kawasan sekitar.

Klinik Kesihatan Kota Samarahan (9 April 2026)

Merupakan satu-satunya Klinik Kesihatan Jenis 3 di Bahagian Samarahan serta memainkan peranan sebagai klinik induk yang menyelaras penyampaian perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Klinik ini juga mencatat satu pencapaian signifikan apabila menjadi lokasi penubuhan Klinik Geriatrik Komuniti (GeKo) pertama di Malaysia, sekali gus memperluas fokus kepada penjagaan kesihatan warga emas.



Wellness Hub Kota Samarahan (9 April 2026)

Berfungsi sebagai Pusat Sehati Komuniti yang memfokuskan kepada usaha memperkasa masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat secara berterusan, selari dengan pendekatan KKM daripada konsep "*sick care*" kepada "*health care*".

Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuk penilaian faktor risiko kesihatan, modul kekal aktif, intervensi pengurusan berat badan (iFitEr), program berhenti merokok serta aktiviti komuniti seperti *My Green Hands* dan seni kreatif yang menggalakkan penglibatan masyarakat secara aktif.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Sarawak Tahun 2026 (10 April 2026)

Majlis sambutan yang berlangsung di Dewan Suarah, Bintulu ini bertepatan dengan tema "Memacu Pemodenan Perkhidmatan, Meningkatkan Kualiti Kesihatan".

Sambutan ini menekankan keperluan transformasi sistem kesihatan melalui penggunaan teknologi, inovasi perubatan serta pendekatan rawatan yang lebih holistik.





Klinik Kesihatan Bintulu (10 April 2026)

Fasiliti ini menempatkan Klinik Pergigian dan Pejabat Kesihatan Bahagian sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk setempat. Beliau turut melawat kemudahan makmal yang menjalankan ujian bagi penyakit seperti leptospirosis dan influenza, dengan kapasiti mencecah 800 hingga 1,000 sampel sehari, bagi memperkukuh keupayaan pengesanan awal di peringkat daerah.

Majlis Penyerahan Mesin *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) di Hospital Sibu (12 April 2026)

Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Mesin MRI kardiak berteknologi tinggi sumbangan Yayasan Jantung Sarawak (Sarawak Heart Foundation) ini bukan sekadar MRI biasa, tetapi mampu menilai struktur serta fungsi jantung dengan lebih terperinci, lantas mempercepatkan diagnosis serta rawatan pesakit khususnya di wilayah tengah Sarawak supaya tidak lagi perlu melakukan perjalanan jauh ke Kuching untuk mendapatkan perkhidmatan pengimejan diagnostik tersebut.



Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Kuching (13 April 2026)

ILKKM Kuching, yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB), merupakan antara institusi latihan strategik KKM dalam melahirkan tenaga kerja kesihatan berkemahiran tinggi. Fasiliti ini mula dibina pada 15 Jun 2001, siap sepenuhnya pada 30 Jun 2005 dan mula beroperasi pada 10 September 2005.

Klinik Kesihatan Braang Bayur (13 April 2026)

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada komitmen kementerian untuk memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan serta meninjau kelengkapan fasiliti di peringkat komuniti.

Klinik Kesihatan Braang Bayur yang mula beroperasi sejak tahun 2013 dikategorikan sebagai fasiliti Klinik Kesihatan Jenis 5, merekodkan purata kedatangan pesakit sebanyak 50 orang setiap hari.



LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN SEMPENA JELAJAH KESIHATAN BORNEO NEGERI SARAWAK SIRI 2

Klinik Komuniti Mukah (27 April 2026)

Lawatan ke klinik ini adalah bagi membincangkan penambahbaikan yang perlu dibuat agar dapat memastikan setiap rakyat Mukah mendapat fasiliti dan rawatan yang terbaik selari dengan objektif utama Kementerian seterusnya terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk setempat.



Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Mukah dan Klinik Pergigian Mukah (28 April 2026)

Lawatan ini bertujuan meninjau dan memahami keadaan yang dihadapi oleh klinik-klinik di kawasan ini terutamanya dari segi keperluan infrastruktur bilik rawatan, kelengkapan aset perubatan, dan cabaran logistik. Perbincangan turut memfokuskan kepada penambahbaikan yang perlu dibuat agar dapat memastikan setiap rakyat Mukah menikmati akses kemudahan fasiliti dan rawatan perubatan yang lebih cekap dan saksama.



Hospital Daro dan Klinik Kesihatan Daro (28 April 2026)

Sebagai Hospital Tanpa Pakar Jenis 4, Hospital Daro terus komited memberikan perkhidmatan kesihatan yang selamat, berkualiti dan mesra pelanggan. Klinik Kesihatan Daro pula memberikan liputan perkhidmatan yang komprehensif merangkumi rawatan pesakit luar, kesihatan ibu dan anak, pengurusan penyakit tidak berjangkit serta perkhidmatan kesihatan komuniti.



Klinik Kesihatan Kuala Igan (29 April 2026)

Lawatan memfokuskan kepada keperluan pembaikan infrastruktur seperti pagar klinik, lokasi farmasi, dan keperluan kelengkapan aset perubatan seperti pam infusi serta alat pengatur oksigen. Lawatan ini turut meneliti cabaran logistik dan kelewatan pemindahan pesakit berikutan jarak klinik yang jauh, di mana pesakit yang mengalami kecemasan perlu menempuh perjalanan sekitar 3 jam ke Hospital Bintulu bagi mendapatkan rawatan pakar.



Klinik Kesihatan Kuala Balingian dan Klinik Kesihatan Balingian (29 April 2026)

Siri lawatan ini membawa sinar baharu buat penduduk Balingian melalui perancangan strategik untuk memperkukuh fasiliti kesihatan di kawasan tersebut antaranya termasuklah transformasi diagnostik menerusi perolehan satu unit mesin imbasan baharu berspesifikasi resolusi tinggi bagi meningkatkan keselamatan kehamilan, serta pengukuhan logistik pra-hospital melalui usaha perolehan ambulans baharu bagi menangani lonjakan kes kecemasan luar waktu pejabat yang meningkat hampir 50 peratus.



7 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM telah menyempurnakan Majlis Perasmian Perdana *Herbal Medicine Symposium 2026* (HMS 2026) bertempat di Auditorium Perdana, Institut Kesihatan Negara (NIH) hari ini.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, beliau menegaskan peranan penting Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN) sebagai badan pusat dalam menyelaraskan strategi nasional dan piawaian regulatori bagi meletakkan Malaysia sebagai peneraju global dalam produk herba yang selamat, berstandar, dan berdaya saing. Beliau turut berkongsi perkembangan membanggakan industri herba negara di mana sepuluh syarikat perintis kini sedang menjalankan penyelidikan klinikal lanjutan yang berada di fasa kedua dan ketiga.

Acara ini turut mendapat sokongan jitu dan dijayakan bersama rakan kolaborasi strategik iaitu Pusat Penyelidikan Perubatan Herba (HMRC), IMR, Persatuan Pegawai Penyelidik KKM (PENYELIDIK) serta Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Penganjuran HMS 2026 ini direka khusus untuk memangkin kerjasama dan menterjemah hasil penyelidikan oleh para pengkaji, ahli akademik serta rakan industri kepada penyelesaian kesihatan dunia sebenar.



MAJLIS AMANAT KEPADA PETUGAS HAJI MUSIM 1447H /2026M

8 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM telah hadir ke Majlis Amanat kepada Petugas Haji Musim 1447H/2026M bertempat di Dewan Besar TH, Menara TH Tun Razak. Kehadiran YBhg. Datuk Seri KSU mencerminkan jalinan kerjasama strategik yang utuh antara pihak KKM dan Tabung Haji dalam menyantuni *Dhuyufurrahman* (tetamu Allah). Pada tahun ini, seramai 225 orang petugas rombongan perubatan KKM telah terpilih untuk berganding bahu bersama 339 orang petugas rombongan kebajikan bagi melancarkan operasi haji di Tanah Suci.

Menerusi amanat yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mustakim Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH), para petugas haji telah diingatkan agar sentiasa berpegang teguh kepada tiga nilai utama iaitu "3P" – prihatin terhadap keperluan jemaah, profesional dalam setiap tindakan, dan penuh kesabaran dalam mendepani pelbagai cabaran di sana bagi memastikan kebajikan, keselamatan, dan kelancaran ibadat jemaah haji Malaysia sentiasa terjamin.



LAWATAN KERJA YBHG. DATUK SERI KSU DAN KETUA PENGARAH KESIHATAN KE PERLIS

13 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM dan YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Jabatan Kesihatan Negeri Perlis (JKN Perlis) bagi mendengar taklimat pencapaian, keupayaan semasa serta cabaran strategik dalam memperkukuh sistem kesihatan negeri.

Pelaksanaan transformasi turut dipacu melalui inisiatif pendigitalan perkhidmatan kesihatan primer sepenuhnya, menjadikan Perlis sebagai negeri pertama melaksanakan pendekatan ini di samping pengukuhan penguatkuasaan keselamatan makanan dengan lebih 821 notis dikeluarkan dan 66 premis ditutup pada tahun 2025. Usaha pembudayaan gaya hidup sihat terus diperkasa melalui pelaksanaan kempen "War on Sugar" serta pelbagai intervensi kesihatan awam dalam menangani peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam komuniti.



Lawatan diteruskan ke Hospital Tuanku Fauziah, Perlis dan taklimat diberikan berhubung inisiatif sistem *Emergency Management of Beds for Efficient Response* (EMBER) dengan menggunakan kaedah digital bagi mengurangkan tempoh menunggu dan pengesanan pesakit.

Seterusnya, YBhg. Datuk Seri KSU dan YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan diberikan penerangan sistem *Planning Under Medical Admission* (PUMA) oleh YBhg. Datuk Seri Dr Paras Doshi, Pakar Perubatan Am yang diguna pakai bagi mengurangkan masa menunggu pesakit masuk ke wad.



Di akhir lawatan, YBhg. Datuk Seri KSU dan YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan melawat Sekolah Dalam Hospital (SDH) Hospital Tuanku Fauziah untuk meninjau fasiliti yang disediakan untuk pesakit yang memerlukan khidmat ini.

SDH adalah satu perkhidmatan pendidikan khusus yang formal dan berstruktur berfokuskan kepada kesiapan dan keupayaan murid yang sedang menerima rawatan di hospital. Proses PdP bersifat fleksibel dan menyenangkan dengan guru sebagai pemudah cara.

17 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKM menyempurnakan Majlis Perasmian Dewan Nurul Ehsan bertempat di Masjid Darul Muttaqin, Sungai Udang, Klang. Kampung Sungai Udang dipilih sebagai lokasi pelaksanaan Kampung Angkat Madani KSU pada tahun 2025 yang lalu.

Dalam ucapan perasmian, beliau memanjatkan rasa syukur atas perkembangan prasarana masjid dan menekankan evolusi peranan institusi masjid daripada sekadar tempat ibadah kepada sebuah pusat pembangunan kemasyarakatan ummah.

Beliau turut menyatakan bahawa kewujudan dewan baharu ini akan memberikan manfaat yang besar kepada seluruh ahli kariah khususnya dalam melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan, pendidikan dan kemasyarakatan.



MAJLIS PELANCARAN PROJEK ChECKS - CHILDREN'S ENVIRONMENTAL HEALTH BIRTH COHORT

18 April 2026 - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah merasmikan Karnival Sihat Santai IMR 125 serta turut melancarkan Projek ChECKS – *Children's Environmental Health Birth Cohort* di Elmina Lakeside Mall, Shah Alam, hari ini.

KKM melalui Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) terus memperkukuh peranan dalam mendekati masyarakat melalui penganjuran Karnival Sihat Santai IMR 125. Selari dengan tema "Connecting People; Advancing Health", karnival ini menjadi platform penting dalam merapatkan jurang antara penyelidikan dan rakyat. Pelbagai aktiviti interaktif, pameran serta demonstrasi telah diadakan bagi memberi pendedahan secara langsung mengenai hasil penyelidikan kesihatan yang memberi impak kepada kehidupan seharian masyarakat.

Projek ChECKS ini turut dilancarkan sebagai inisiatif strategik KKM bagi mengkaji kesan faktor persekitaran terhadap kesihatan kanak-kanak sejak dalam kandungan sehingga usia enam tahun. Kajian berskala besar ini melibatkan lebih 5,000 ibu mengandung dan akan menjadi asas penting kepada pembangunan dasar kesihatan berasaskan bukti di Malaysia.



Terengganu (19 April 2026)

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, KSU KKM memulakan lawatan kerja ke Terengganu dengan mengadakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Pertemuan berkenaan menyentuh pengurusan tanah dan infrastruktur perubatan serta dijangka akan membawa manfaat kepada rakyat Terengganu melalui kelancaran pembangunan fasiliti serta peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kesihatan awam.

Seterusnya, beliau mengadakan lawatan ke Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) dan melawat tapak cadangan Kompleks JKNT yang baharu di kawasan Bukit Besar. Pembangunan di tapak tanah yang bersebelahan kemudahan agensi persekutuan yang lain ini dilihat amat penting bagi merealisasikan penyatuan pusat pentadbiran jabatan di bawah satu bumbung demi kelancaran perkhidmatan dan pengurusan kesihatan di Terengganu.

Beliau turut menghadiri sesi taklimat pelaksanaan Projek Hospital Dungun di Hospital Dungun Baharu dan meninjau perkembangan tapak projek berkenaan. Pembangunan ini penting bagi memastikan kelancaran perkhidmatan dan pengurusan kesihatan yang lebih optimum bagi memenuhi keperluan penduduk di Dungun dan negeri Terengganu secara amnya.

Beliau turut berkesempatan melawat ke Klinik Desa Pulau Bahagia dan meninjau perkembangan tapak Projek Klinik Daif yang sedang giat dilaksanakan. Projek pembangunan ini merangkumi kerja-kerja meroboh bangunan klinik yang lama dan membina semula bangunan baharu, berserta kerja-kerja infrastruktur lain yang berkaitan bagi memastikan kelengkapan fasiliti ini dipertingkatkan dengan sewajarnya.

Projek ini amat kritikal bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan perubatan yang lebih optimum untuk memenuhi keperluan penduduk di sekitar Manir dan daerah Kuala Terengganu amnya. Pelaksanaan inisiatif ini secara langsung akan memacu kesejahteraan komuniti setempat menerusi penyediaan ruang rawatan yang lebih selamat, selesa, dan kondusif.



Hospital Kuala Lumpur (23 April 2026)

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, KSU KKM telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) bagi memantau projek naik taraf Jabatan Kecemasan HKL. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Mahathar bin Abd Wahab, Ketua Pengarah Kesihatan

Projek ini penting bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih optimum untuk seluruh rakyat Malaysia, terutamanya bagi penduduk di sekitar ibu kota Kuala Lumpur. Pelaksanaan projek ini secara langsung akan memacu kesejahteraan komuniti menerusi penyediaan ruang rawatan yang lebih selamat, selesa dan kondusif.



Pulau Pinang (25 April 2026)

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, KSU KKM telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Butterworth bagi meninjau fasiliti KKM serta menyampaikan hala tuju Kementerian Kesihatan di bawah pimpinan Kerajaan MADANI.

Seterusnya, beliau hadir ke Mesyuarat Pembangunan Daerah Seberang Perai Tengah di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP), Bukit Mertajam. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bagi membincangkan perkembangan semasa program/ projek dan isu-isu berkaitan kesejahteraan komuniti setempat.

Beliau mengakhiri lawatan dengan melawat Hospital Pulau Pinang. Dalam siri lawatan ini, YBhg. Datuk Seri KSU telah diberikan taklimat berhubung perkhidmatan yang ditawarkan oleh hospital dan pencapaian yang telah dilakar sehingga kini. Lawatan ini disenkan dengan pra peluncuran *Invasive Cardiac Laboratory* (ICL) Hospital Pulau Pinang oleh YBhg. Datuk Seri KSU.

